

Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR

AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2024

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (PERLIS) PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN STAF

KETUA PTJ :

SHUKOR SANIM BIN MOHD FAUZI

KETUA UNIT KUALITI :

AZNOORA BINTI OSMAN

PENYELARAS :

MOHD FAUZI BIN ABDULLAH

PENULIS :

1. HAFIDZAH BINTI HAJI ABDUL AZIZ
2. YUSWANIE BINTI MD YUSOF
3. NOORZILA SHARIF
4. NORAINI BINTI ISMAIL
5. NORZIANA BINTI YAHYA
6. NAZIRA BINTI OSMAN
7. SITI SARAH BINTI MD ILYAS

8. NORFIZA BINTI IBRAHIM
9. NABILAH AKEMAL BINTI MUHD ZAILANI
10. NADIA BT ABDUL WAHAB
11. ZULFIKRI BIN PAIDI
12. AHMAD SUHAIL BIN KHAZALI
13. DALINA BINTI SAMSUDIN
14. MOHD ZAINI BIN ZAINAL
15. MOHD FAUZI BIN ABDULLAH
16. MOHD FAUZI BIN ABDULLAH
17. HAIRULNIZA BINTI ABD RAHMAN
18. MOHAMAD ASRUL BIN MUSTAFAR
19. MUHAMMAD FARID HILMI BIN AIDIT
20. NOOR AZREEN BINTI MOHD KHUSHAIRI
21. MASAYU BINTI NORMAN

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Kepimpinan yang cekap, telus dan berpandangan jauh merupakan komponen utama dalam menentukan kecemerlangan pengurusan sesebuah organisasi. UiTMPs dipimpin oleh barisan pengurusan yang berkualiti dan dinamik, yang meletakkan agenda **kecemerlangan pengurusan dan pembangunan staf** sebagai agenda utama dalam mentadbir kampus. Kampus ini diketuai oleh Rektor yang bertanggungjawab merealisasikan pencapaian Misi dan Visi UiTM. Rektor dibantu oleh Timbalan Rektor (Hal Ehwal Akademik), Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar), Timbalan Rektor (Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat, Alumni dan Keusahawanan), Timbalan Pendaftar Kanan, Timbalan Bendahari dan Timbalan Perpustakaan yang kesemuanya merupakan pengurusan tertinggi kampus. Di samping itu, dalam memastikan kecemerlangan pengurusan dan pembangunan staf terutama staf akademik, pengurusan UiTMPs dibantu oleh Ketua Pusat Pengajian, Koordinator, Penyelaras dan Ketua Unit yang dilantik bagi peranan dan fungsi tertentu.

Perancangan pengurusan tertinggi UiTMPs telah menzahirkan Pelan Strategik UiTM 2025 melalui Rancangan Malaysia ke-11 yang akan membawa UiTM ke arah sebuah 'Globally Renowned University'. Bagi mencapai objektif ini, pelbagai strategi telah diadun dan disusun bagi menggerakkan UiTMPs ke peringkat yang lebih baik. Setiap bahagian dan unit di UiTMPs berkerja secara kolektif bagi meningkatkan lagi mutu dan pencapaian kampus dari pelbagai sudut. Pengurusan tertinggi mengambil kira pandangan daripada staf, pusat tanggungjawab serta unit utama di UiTMPs dalam mengadun dan menyusun strategik bagi menggerakkan UiTMPs ke peringkat yang lebih baik. **Dream Big, Go Beyond** merupakan satu aspirasi Rektor dalam menterjemahkan warga UiTMPs yang mempunyai satu semangat, potensi dan kebolehan yang amat tinggi melalui penghasilan output dan kejayaan yang dicapai.

Perlaksanaan strategik yang dirancang telah membentuk warga yang mempunyai budaya kerja yang dinamik, fokus kepada kecemerlangan pencapaian serta sentiasa sentiasa terbuka untuk mempelajari ilmu baharu, dan tidak berputus asa untuk membongkar solusi untuk setiap cabaran yang dihadapi. Pengurusan Kampus telah menetapkan setiap bahagian untuk turut mengembeleng tenaga serta menyumbang buah fikiran dan kepakaran masing-masing bagi memastikan setiap inisiatif strategik dilaksanakan dengan jayanya. Untuk menjayakan bidang tumpuan, UiTMPs mengambil pendekatan top-down yang mantap lagi menyeluruh berkaitan bidang tumpuan.

Pemantauan secara sistematik dilaksanakan melalui inisiatif strategik dalam Pelan Tindakan Strategik 2023 UiTMPs. Setiap bahagian, fakulti dan unit di UiTMPs bekerja secara kolektif bagi memastikan strategik yang dirancang dapat dilaksanakan berdasarkan petunjuk prestasi masing-masing. Pemantauan projek yang telah disasarkan dalam perancangan strategik adalah melalui Sistem UiSMS bagi memastikan keberkesanan dan pencapaian prestasi tercapai. Pelan tindakan strategik juga dipantau dan diselia oleh bahagian, fakulti dan unit dan dibuat pelaporan berpandukan PI Perancangan Strategik masing-masing.

Pelan Tindakan Strategik 2023 UiTMPs, Petunjuk Prestasi 2023 dan Amanat Rektor 2023 dijadikan panduan, rujukan dan petunjuk prestasi yang perlu dicapai oleh warga kampus agar penambahbaikan berterusan dapat dilaksanakan. Berdasarkan hasil mesyuarat dan petunjuk prestasi bagi tahun semasa, telah dibincangkan dalam perencanaan pelan tindakan strategik tahun berikutnya bagi memastikan ruang penambahbaikan dapat dilaksanakan. **Pengurusan**

kampus mengkaji semua bidang tumpuan melalui Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) dan **tindakan penambahbaikan** hasil pemantauan dilakukan berpandukan Petunjuk Prestasi 2024 dalam Bengkel Perancangan Strategik UiTMPs 2024. Hasil perancangan program-program inisiatif strategik yang dilakukan dalam bengkel, Pelan Inisiatif Strategik 2024 UiTMPs akan dijadikan panduan dan pedoman oleh seluruh warga dalam memastikan kecemerlangan pengurusan kampus di tahun 2024.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Seiring dengan hala tuju universiti untuk ke arah Global Marketability, Amanat Rektor 2023 merencanakan enam tujahan berpandukan lima teras yang telah digariskan dalam Perancangan Strategik UiTMPs 2023.

Tujahan Teras Pertama: Projek Khas Rektor

Bagi meningkatkan ketampakan serta pemerksaan jenama UiTM Cawangan Perlis, lima strategi telah dirancang melalui Projek Khas Rektor (rujuk bukti 1) iaitu memperkasakan jaringan antara UiTMPs dengan universiti dan industri antarabangsa; memastikan kemampunan kewangan berada pada optima; memetakan penglibatan dan mempergiatkan kerjasama sosial dan nyata antara UiTMPs dan komuniti setempat, meluaskan ketampakan dan reputasi UiTMPs menerusi liputan media elektronik dan media sosial; dan meningkatkan penyertaan pelajar melalui program mobiliti pelajar.

Tujahan Teras Kedua: Pendidikan Berkualiti

Sejajar dengan misi GRU2025, UiTMPs terus komited memperkasa agenda untuk menjuarai pembangunan bumiputera profesional yang tangkas. Dalam menyediakan pendidikan berkualiti demi kelestarian bakat Bumiputera berkompentensi tinggi, UiTMPs melaksanakan empat strategi bagi memperkasa agenda pendidikan berkualiti (rujuk Bukti 2) iaitu menambah enrolmen pelajar sepenuh masa dan separuh masa bagi semua peringkat; meningkatkan peratusan siswazah GOT; memperbanyak usaha pemindahan ilmu kepakaran kepada komuniti; dan memperkukuh kefahaman dan kemahiran para pensyarah dalam membangunkan program-program MOOC dan Micro-Credentials yang berkualiti.

Tujahan Teras Ketiga: Graduan Holistik

UiTMPs sedar pada era VUCA ini, menjadi satu keperluan untuk menyediakan graduan dengan nilai dan kemahiran yang relevan bagi meningkatkan kebolehpasaran mereka. Seiring itu, pelbagai program telah dimandatkan kepada Bahagian Hal Ehwal Pelajar bagi memastikan graduan UiTMPs seimbang dari pelbagai sudut (rujuk Bukti 3).

Tujahan Teras Keempat: Pemantapan Penyelidikan dan Penerbitan

Penglibatan staf akademik mampu meningkatkan kemahiran mental, kemahiran fizikal dan perkembangan emosi terutamanya dalam penghasilan karya penerbitan artikel yang bermutu tinggi dan kelestarian penyelidikan yang menguntungkan negara.

Selaras dengan hasrat ini, UiTMPs perlu terus proaktif untuk memastikan penyelidikan, penerbitan terus diperkasa di kalangan para pensyarah melalui beberapa strategi untuk mempertingkatkan jumlah penyelidikan dan perolehan dana penyelidikan, menyeragamkan urusan tadbir urus dan proses kewangan geran penyelidikan dan menyediakan ruang latihan serta memberi peluang untuk staf mengikuti latihan dalam dan luar kampus dalam bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan (rujuk Bukti 4).

Tujahan Teras Kelima: Kecemerlangan Bakat Staf dan Kelestarian Kampus

UiTMPs mempunyai sejumlah 350 staf pentadbiran yang turut mempunyai kepakaran dan kemahiran dalam pelbagai bidang. Usaha pembangunan bakat staf (rujuk Bukti 5) dan pemantapan tadbir urus UiTM sentiasa seiring dengan keperluan semasa. UiTM

memperakukan nilai-nilai kecemerlangan, sinergi dan integriti (ESI) sebagai batu asas kepada penghasilan produktiviti .

Strategi dalam memantapkan peranan kakitangan UiTMPs adalah mengubah cara kerja dan pengoperasian kepada lebih cepat dan efisien, mempertingkatkan komunikasi dan sinergi antara unit/bahagian, melaksanakan profiling staf serta mempergiatkan dan memberi latihan upskilling, menambah jumlah pemegang PhD di kampus; dan meneruskan amalan “Reward system.”

Tujahan Teras Keenam: Kecemerlangan Pengoperasian

Tadbir urus organisasi yang baik juga dapat memastikan UiTMPs menggunakan sumber tenaga kerja secara optimum, penyampaian perkhidmatan yang efektif, dinamik, cepat dan tepat yang seterusnya dapat meningkatkan kepuasan pelanggan dan pemegang taruh.

Tadbir urus organisasi yang baik juga dapat memastikan UiTMPs menggunakan sumber tenaga kerja secara optimum, penyampaian perkhidmatan yang efektif, dinamik, cepat dan tepat yang seterusnya dapat meningkatkan kepuasan pelanggan dan pemegang taruh.

SENARAI BUKTI:

1. [K0033_K01_KB02_20241_Bukti1_UiTMPs_K1_Pendekatan.pdf](#)
2. [K0033_K01_KB02_20242_Bukti2_UiTMPs_K1_Pendekatan.pdf](#)
3. [K0033_K01_KB02_20243_Bukti3_UiTMPs_K1_Pendekatan.pdf](#)
4. [K0033_K01_KB02_20244_Bukti4_UiTMPs_K1_Pendekatan.pdf](#)
5. [K0033_K01_KB02_20245_Bukti5_UiTMPs_K1_Pendekatan.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pelan Tindakan Strategik 2023 UiTMPs dijadikan rujukan dan petunjuk prestasi yang perlu dicapai oleh warga kampus serta sebagai panduan kepada pengurusan kampus dalam mensasarkan tujahan Amanat Rektor 2023. Pelbagai strategik bagi memastikan kecemerlangan pengurusan dan pembangunan staf telah direncanakan melalui Pelan Tindakan Strategik 2023 UiTMPs ini (rujuk Bukti 1).

1.3.1 Memastikan Ketampakan dan Kepakaran Warga UiTM Cawangan Perlis

Dalam usaha memastikan ketampakan dan kepakaran warga, UiTMPs sentiasa komited dalam merangka dan menjayakan kerjasama bersama komuniti melalui pelbagai strategik seperti pemindahan ilmu, penyelidikan, penerbitan, kepakaran, inovasi, keusahawanan, pendidikan dan khidmat perundingan.

Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat, Alumni dan Keusahawanan (PJIM&A) merupakan bahagian yang bertanggungjawab memastikan perancangan strategik berkaitan penyelidikan, penerbitan, perundingan, inovasi dan keusahawanan dilaksanakan bagi menzahirkan kepakaran warga UiTMPs di kalangan masyarakat Negeri Perlis.

Setiap strategik perancangan dan pelaksanaan penyelidikan, penerbitan, perundingan, inovasi dan keusahawanan oleh warga UiTMPs akan dibentangkan dalam mesyuarat JPN, JJN dan mesyuarat bersama staf akademik UiTMPs (rujuk Bukti 2).

1.3.2 Mensinergikan Peranan Setiap Entiti

UiTMPs sentiasa komited dalam merangka dan menjayakan kerjasama antara universiti, industri, agensi kerajaan, komuniti dan pemegang taruh sebagai satu usaha untuk mensinergikan peranan setiap entiti bagi mencapai matlamat yang inklusif, berimpak dan mapan dalam menghadapi cabaran Revolusi Industri 4.0.

Sinergi antara bahagian dan unit perlu diteruskan untuk meningkatkan kebersamaan dalam menjalankan aktiviti-aktiviti yang dirancang. Justeru, untuk mengekalkan sifat kebersamaan dan esprit de'corp, program seperti Semarak Korban @ UiTM Perlis, Semarak Raya, Sambutan Bulan Kebangsaan UiTM Cawangan Perlis, Woodball Piala Rektor, Liga Kampung UiTM Cawangan Perlis terus diadakan sebagai arena untuk merapatkan silaturrahim antara warga UiTM Cawangan Perlis.

1.3.3 Memperkasakan Jaringan Serta Kerjasama Antara Universiti

Pada tahun 2023, UiTMPs telah merangka empat pendekatan strategik bagi memperkasakan jaringan serta kerjasama antara universiti bersama pemegang taruh menerusi UiTM Perlis@Global Partners. Empat pendekatan strategik yang dimaksudkan itu adalah:

- (1) mengukuhkan kerjasama antara UiTMPs dengan komuniti melalui pelaksanaan program permindahan ilmu melalui pemberian Geran Dana Komuniti Setempat (DKS) kepada pensyarah-pensyarah yang mempunyai projek bagi pembangunan komuniti;
- (2) menganjurkan program-program jaringan dan usahasama bersama universiti, industri dan komuniti (rujuk Bukti 3).
- (3) menggalakkan penganjuran program bersama rakan strategik yang masih aktif, seperti program inbound and outbound kepada pelajar dan staf;

(4) meningkatkan jaringan bersama rakan MoU dan MoA yang baru termasuk Top 300 QS World University Ranking dan Industri (rujuk Bukti 4).

1.3.4 Menggalakkan Penjanaaan Hasil Melalui Kepakaran Bidang

Pada tahun 2023, penjanaaan pendapatan terus dijadikan sebagai agenda utama dalam memastikan kewangan universiti berada dalam keadaan stabil. Perkhidmatan yang memberi pendapatan seperti penyelidikan, pertandingan inovasi, sewaan bangunan, kemudahan atau ruang, kerana ia boleh memberi pendapatan kepada universiti.

Kepakaran warga UiTMPs terutama pensyarah yang membuat penyelidikan, perundingan, inovasi berdasarkan kepakaran bidang masing-masing merupakan aset besar kepada kampus. Hasil inovasi yang dijalankan boleh menggalakkan penjanaaan hasil melalui kepakaran mereka kepada kampus. Pelbagai inovasi dan kepakaran telah didaftarkan sebagai harta intelek oleh warga UiTMPs (rujuk Bukti 5). Sebagai contoh, UiTMPs komited dalam mempelbagaikan keluaran produk hiliran berasaskan buah harumanis melalui kajian penyelidikan dan inovasi warganya.

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_K01_KB03_20241_Bukti1_UiTMPs_K1_Peluasan.pdf](#)
2. [K0033_K01_KB03_20242_Bukti2_UiTMPs_K1_Peluasan.pdf](#)
3. [K0033_K01_KB03_20243_Bukti3_UiTMPs_K1_Peluasan.pdf](#)
4. [K0033_K01_KB03_20244_Bukti4_UiTMPs_K1_Peluasan.pdf](#)
5. [K0033_K01_KB03_20245_Bukti5_UiTMPs_K1_Peluasan.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Penglibatan pengurusan tertinggi di dalam proses pemantauan dan penambahbaikan dilakukan secara strategik dan berkala bagi memastikan isu-isu dalam bidang tumpuan sentiasa dikenalpasti, ditambah baik dan disemak semula.

1. Pemantauan Melalui Petunjuk Prestasi (PI)

Menerusi Bengkel Perancangan Strategik yang diadakan setiap tahun, kepimpinan kanan telah menyediakan kerangka hala tuju pencapaian strategik kampus. Dalam merealisasikan inisiatif strategik yang telah dirancang, semua unit, bahagian dan fakulti perlu memastikan tindakan diambil bagi setiap inisiatif yang telah disasarkan berpandukan petunjuk prestasi tahun 2023 yang telah ditetapkan. Unit Perancangan Strategik (UPS) bertanggungjawab memastikan setiap KPI tahunan UiTMPs dilaksanakan dan dicapai berdasarkan petunjuk prestasi (PI) bahagian, unit dan fakulti masing-masing. Pemantauan pelaksanaan PI ini akan dibentangkan oleh Koordinator UPS secara berkala (rujuk Bukti 1).

2. Pemantauan Melalui Mesyuarat

Pemantauan pelaksanaan program-program inisiatif bagi penyelidikan, penerbitan, perundingan, inovasi dan kepakaran dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan Negeri (JPN) (rujuk Bukti 2) di mana mesyuarat ini akan dilaksanakan secara berkala sebanyak enam kali setahun. Hasil pencapaian tahunan JPN ini akan dilaporkan pula ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk Penyelidikan Universiti (JKIPU).

Pemantauan inisiatif berkaitan jaringan industri, komuniti, alumni dan keusahawanan pula akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Jaringan Negeri (JJN) di mana mesyuarat ini akan dilaksanakan secara berkala sebanyak empat kali setahun (rujuk Bukti 3).

Hasil pencapaian keseluruhan penyelidikan, penerbitan, inovasi, kepakaran, jaringan industri, komuniti, alumni dan keusahawanan ini akan dibentangkan oleh Timbalan Rektor (PJIM&A) kepada semua staf akademik semasa Mesyuarat Bersama Staf Akademik UiTMPs (rujuk bukti 4).

3. Pemantauan Melalui Sistem UiSMS

Unit Perancangan Strategik (UPS) UiTMPs bertindak sebagai penyelaras dalam memantau pencapaian projek-projek di bawah Pelan Inisiatif Strategik UiTMPs 2023. Pemantauan yang dilakukan oleh UPS adalah melalui sistem UiSMS di mana semua projek dan program yang telah direncanakan akan dimuatnaik ke dalam sistem UiSMS. Melalui sistem ini, Koordinator UPS berupaya melaksanakan pemantauan keberhasilan peratusan pencapaian projek-projek di bawah inisiatif strategik yang direncanakan dalam Amanat Rektor 2023 (rujuk Bukti 5).

SENARAI BUKTI:

1. [K0033_K01_KB04_KC01_20241_Bukti1_UiTMPs_K1_Pemantauan.pdf](#)
2. [K0033_K01_KB04_KC01_20242_Bukti2_UiTMPs_K1_Pemantauan.pdf](#)
3. [K0033_K01_KB04_KC01_20243_Bukti3_UiTMPs_K1_Pemantauan.pdf](#)

4. [K0033_K01_KB04_KC01_20244_Bukti4_UiT MPS_K1_Pemantauan.pdf](#)
5. [K0033_K01_KB04_KC01_20245_Bukti5_UiT MPs_K1_Pemantauan.pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko memainkan peranan penting ke arah mengenalpasti, merangka serta mengambil tindakan sekiranya sesuatu sasaran yang telah ditetapkan tidak berada pada kedudukan yang baik untuk dicapai. Dalam memantapkan pengurusan kampus, kepimpinan kanan telah mengambil inisiatif dengan memperkasakan Jawatankuasa Pengurusan Risiko (JPR) UiTMPs dengan melantik Penyelaras Risiko yang melapor terus kepada Rektor.

Kepimpinan kanan UiTMPs amat memahami bahawa adalah penting untuk sentiasa memantau dan memastikan tindakan penambahbaikan adalah efisien dan sesuai untuk mencegah risiko dari berulang. Bagi memastikan semua warga UTMPs sentiasa memahami dan bekerjasama dalam menangani dan mencegah risiko berkaitan bidang tumpuan di masa hadapan, Rektor membentangkan inisiatif strategik yang telah dirancang melalui Amanat Rektor UiTMPs 2023.

Penglibatan pengurusan kanan dalam aktiviti, program dan mesyuarat merupakan kaedah proaktif yang telah dilaksanakan dalam memastikan semua pihak pengurusan UiTMPs bersama-sama mengenalpasti risiko dengan cara yang lebih efisien. JPR telah beroperasi secara dua hala iaitu top-down dan bottom up di mana tadbir urus JPR merangkumi mengenal pasti risiko dari setiap bahagian, fakulti dan unit, menyelaraskan risiko berkaitan, membuat pelaporan dan membentangkan maklumat risiko, tindakan pencegahan serta inisiatif penambahbaikan kepada kepimpinan tertinggi kampus (rujuk Bukti 1).

Setiap bahagian, fakulti dan unit telah berjaya menyediakan Daftar Risiko bagi tahun 2023 masing-masing. Risiko-risiko yang telah dikenalpasti ini telah didaftarkan oleh JPR UiTMPs di dalam sistem eRMS yang telah dibangunkan oleh UPR UiTM bagi mengawalselia risiko dengan lebih sistematik, efisien dan terurus. Mesyuarat JPR bersama wakil PTJ diadakan secara berkala bagi tujuan membuat semakan semula risiko yang dikenalpasti dari setiap bahagian, fakulti dan unit di UiTMPs (rujuk Bukti 2).

Tindakan pencegahan bagi risiko-risiko yang dikenalpasti telah dilaksanakan melalui pemantauan berkala dan pembentangan strategi oleh Pemilik Risiko di dalam Mesyuarat JPR untuk mengurangkan impak risiko. Seterusnya pihak pengurusan tertinggi UiTMPs bersama ahli jawatankuasa yang berkaitan telah merancang, melaksana dan membudayakan pelbagai inisiatif, kaedah dan pendekatan penambahbaikan bagi mengurus risiko yang telah dikenalpasti.

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_K01_KB04_KC02_20241_Bukti1_UiTMPs_K1_Risiko.pdf](#)
2. [K0033_K01_KB04_KC02_20242_Bukti2_UiTMPs_K1_Risiko.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pengurusan kanan UiTMPs sangat komited untuk mengkaji semula sasaran dan objektif bidang tumpuan melalui perancangan dan pelaksanaan yang bersistematik. Berikut adalah langkah-langkah yang telah diambil dalam mengkaji semula dan tindakan penambahbaikan terhadap bidang tumpuan.

Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP)

Setiap tahun, Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) akan diadakan bagi mengkaji dan mengambil tindakan penambahbaikan ke atas pengurusan UiTMPs. Pengurusan UiTMPs sentiasa memastikan penambahbaikan berterusan dilakukan berdasarkan hasil perbincangan dalam MKSP 2023 (rujuk Bukti 1) bagi memastikan ruang penambahbaikan dalam pengurusan dapat dilaksanakan.

Petunjuk Prestasi Tahun 2024

Pengurusan UiTMPs telah menetapkan setiap bahagian untuk turut mengembeleng tenaga serta menyumbang buah fikiran dan kepakaran masing-masing bagi memastikan setiap inisiatif strategik dilaksanakan dengan jayanya. Dalam menjayakan bidang tumpuan, UiTMPs mengambil pendekatan top-down yang mantap lagi menyeluruh berkaitan bidang tumpuan dan Koordinator Unit Pengurusan Strategik telah mengadakan Bengkel Perancangan Strategik Tahun 2024 bertujuan membentangkan pelaporan pencapaian pelaksanaan inisiatif strategik 2023 dan agihan petunjuk prestasi (PI) 2024 (rujuk Bukti 2).

Dengan berpandukan petunjuk prestasi (PI) 2024 yang telah diagihkan, setiap bahagian, unit dan fakulti perlu merancang inisiatif strategik masing-masing bagi memastikan PI 2024 dapat dicapai (rujuk Bukti 3).

Bengkel Perancangan Strategik 2024

Perancangan Strategik UiTMPs 2023 dijadikan panduan, rujukan dan petunjuk prestasi yang perlu dicapai oleh warga kampus dan penglibatan semua pihak di dalam proses pemantauan dan penambahbaikan dilakukan secara strategik dan berkala bagi memastikan isu-isu dalam bidang tumpuan sentiasa dikenalpasti, ditambah baik dan disemak semula. Unit Pengurusan Strategik telah mengadakan Bengkel Perancangan Strategik UiTMPs 2024 bagi memastikan setiap bahagian, unit dan fakulti mendapat maklumat yang tepat semasa merencanakan inisiatif strategik masing-masing dengan berpandukan definisi operasi petunjuk prestasi yang betul (rujuk Bukti 4).

Semasa bengkel ini, semua bahagian, unit dan fakulti merancang pelan inisiatif yang bakal dilaksanakan pada tahun 2024 dan hasil bengkel ini inisiatif-inisiatif strategik ini dijadikan Pelan Inisiatif Strategik UiTMPs 2024 (rujuk Bukti 5).

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_K01_KB04_KC03_20241_Bukti1_UiTMPs_K1_KajiSemula.pdf](#)
2. [K0033_K01_KB04_KC03_20242_Bukti2_UiTMPs_K1_KajiSemula.pdf](#)
3. [K0033_K01_KB04_KC03_20243_Bukti3_UiTMPs_K1_KajiSemula.pdf](#)
4. [K0033_K01_KB04_KC03_20244_Bukti4_UiTMPs_K1_KajiSemula.pdf](#)
5. [K0033_K01_KB04_KC03_20245_Bukti5_UiTMPs_K1_KajiSemula.pdf](#)

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pengurusan UiTMPs sentiasa memastikan pelaksanaan inisiatif-inisiatif strategik yang telah dirancang bagi menyemarakkan lagi kecemerlangan pengurusan dan pembangunan staf.

1.5.1. Meningkatkan Kemahiran Staf dan Semangat Kerja Berpasukan

Melalui semangat kerjasama di kalangan staf akademik, UiTMPs telah berjaya mendapat anugerah ‘The Highest Number of Correspondence Author’. Bagi menghargai dan memberi pengiktirafan kepada staf yang banyak menyumbang dalam bidang penyelidikan, penerbitan, inovasi, jaringan industri, komuniti, alumni dan keusahawanan, UiTMPs telah mengambil inisiatif tersendiri dengan mengadakan Majlis Anugerah Semarak Sanjung pada setiap tahun (rujuk Bukti 1).

Kemahiran staf di luar bidang kerja juga mendapat pengiktirafan dari Pengurusan Tertinggi melalui hebahan kepakaran staf pentadbiran dalam Amanat Rektor 2023. Dengan adanya kemahiran dan bakat tersendiri, UiTMPs mampu mendapat manfaat dari segi pengurangan kebergantungan perkhidmatan dan kos dengan pihak luar dalam menjalankan sesuatu majlis.

1.5.2. Memperkembangkan Kepakaran Staf Bersama Komuniti.

Melalui perolehan Geran Dana Komuniti Setempat, pensyarah UiTMPs boleh memanfaatkan kepakaran di bidang masing-masing untuk membantu masyarakat setempat. Projek ternakan laktok yang diselia dan diberi khidmat nasihat oleh penyelidik UiTMPs bersama komuniti Kubang Badak, Langkawi telah membantu komuniti setempat menjana pendapatan melalui pengeluaran laktok secara komersial (rujuk Bukti 2). Hasil daripada penyelidikan laktok ini, pensyarah UiTMPs juga mampu memulakan perniagaan start-up dalam mempergiatkan usaha pemasaran laktok produk keluaran UiTMPs dengan jenama Lindifera ke peringkat antarabangsa.

Program kesedaran pulihara khazanah alam yang telah dilaksanakan oleh penyelidik UiTMPs bersama Jabatan Perhutanan Negeri Perlis melalui Program Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam (CEPA) memberikan impak positif kepada alam sekitar di Geopark Rekreasi Bukit Jernih, Perlis (rujuk Bukti 3). Program yang dilaksanakan menggunakan Dana Komuniti Setempat telah membantu penyelidik UiTMPs menyalurkan kepakaran dalam bidang masing-masing kepada komuniti setempat.

Pelaksanaan program kreatif seperti Jejak Puisi Perlis anjuran bersama UiTMPs dan Think City Berhad melalui Geran Industri juga membuktikan keupayaan pensyarah UiTMPs dalam bekerjasama dengan agensi luar seperti Jabatan Pelancongan dan Setiausaha Negeri Perlis.

1.5.3. Memupuk Usaha Pengurangan Kos dan Penjanaan Pendapatan

Melalui usaha yang dijalankan oleh staf UiTMPs sebagai Jurulatih Kokurikulum melalui Kokurikulum SULAM bagi memantau Projek Lestari Ilham yang dilaksanakan oleh pelajar UiTMPs, keceriaan suasana di sekitar Tasik Ilham dapat dipertingkatkan (rujuk Bukti 4). Suasana tasik ilham yang berhampiran dengan ladang ternakan rusa, amat kondusif para warga UiTMPs dan pengunjung untuk berehat sambil beriadah bersama teman dan keluarga. Projek ini telah menjimatkan kos penyelenggaraan dan pengindahan kampus.

Melalui inovasi penyelidikan pensyarah UiTMPs dan penglibatan pelajar UiTMPs, syarikat Athanliz Innovations Sdn Bhd mampu mempergiatkan usaha pemasaran produk keluaran UiTMPs iaitu LINDIFERA ke peringkat antarabangsa. Usaha ini juga menjadi lebih mudah dengan termeterai beberapa jaringan industri yang berkaitan seperti MoU dengan FAMA Negeri

Perlis dan Kedah. Berdasarkan kepercayaan yang telah diberikan oleh UiTMPs serta kerajaan negeri, produk LINDIFERA telah dilancarkan sebagai produk pertama universiti dan berjaya menembusi pasaran AEON Retails seluruh Malaysia (rujuk Bukti 5).

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_K01_KB05_20241_Bukti1_UiTMPs_K1_Integrasi.pdf](#)
2. [K0033_K01_KB05_20242_Bukti2_UiTMPs_K1_Integrasi.pdf](#)
3. [K0033_K01_KB05_20243_Bukti3_UiTMPs_K1_Integrasi.pdf](#)
4. [K0033_K01_KB05_20244_Bukti4_UiTMPs_K1_Integrasi.pdf](#)
5. [K0033_K01_KB05_20245_Bukti5_UiTMPs_K1_Integrasi.pdf](#)

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pembangunan pelan tindakan strategik yang mantap merupakan salah satu elemen terpenting dalam merealisasikan hasrat UiTMPs untuk menjadi sebuah kampus yang unggul terutamanya dalam bidang pengurusan dan pembangunan staf. Pelan ini menggariskan pendekatan menyeluruh yang bertujuan untuk mencapai objektif institusi menjelang tahun 2025. Fokus utama adalah untuk selaras dengan strategi UiTM 2025 yang lebih luas, dengan matlamat untuk mengangkat universiti ke standard global. Dokumen ini menekankan kepentingan pengurusan staf yang efektif, dan inisiatif strategik yang dirangkumkan dalam slogan "**Strategising towards GRU2025: Dream Big, Go Beyond.**" **Pelan Tindakan Strategik UiTM Cawangan Perlis 2023** telah dibangunkan berpandukan sumber rujukan utama iaitu Pelan Strategik UiTM2025 seperti yang telah diamanatkan oleh universiti melalui Bahagian Transformasi Universiti (BTU). Terdapat **lima teras utama** di dalam Pelan Tindakan Strategik UiTM Cawangan Perlis 2022 ini iaitu (i) Projek Khas Rektor, (ii) Pendidikan Berkualiti, (iii) Penyelidikan & Penerbitan Berimpak, (iv) Graduan Seimbang & Keusahawanan, dan (v) Kecemerlangan Bakat & Kelestarian Kampus.

Setiap agenda pula mempunyai inisiatif-inisiatif tertentu yang telah dikenalpasti. Semua inisiatif yang termaktub di bawah pelan ini telah didaftarkan ke sistem UiSMS yang dibangunkan oleh pihak Bahagian Transformasi Universiti (BTU) dan **dipantau secara berkala** oleh Pengurusan UiTMPs dan PSTU. Segala perancangan yang termaktub di dalam Pelan Tindakan Strategik UiTM Cawangan Perlis 2023 telah **disampaikan kepada warga kampus** melalui pelbagai wadah, di antaranya Amanat Tahunan Rektor dan juga Majlis Penyampian Sasaran Petunjuk Prestasi (*Performance Indicator*) atau PI peringkat kampus.

Pelan Tindakan Strategik 2023 UiTMPs turut memperincikan pengembangan usaha perancangan strategik ke arah pengurusan dan pembangunan staf yang melangkaui kampus ke peringkat komuniti dan global. Ini termasuk bengkel, kempen media sosial, dan penerbitan yang telah meningkatkan visibiliti dan impak UiTMPs dengan ketara. Inisiatif strategik ini **disemak dan diperbaiki secara berkala** melalui mekanisme maklum balas, memastikan peningkatan berterusan dan keselarasan dengan matlamat institusi. UiTMPs juga memastikan kelancaran pelaksanaan Pelan Tindakan Strategik 2023 menerusi mekanisme **pemantauan dan penilaian yang bersistematis** serta berterusan melalui beberapa cara yang sistematis misalnya penggunaan sistem UiSMS untuk melaporkan dan memantau pencapaian KPI & PI kampus sepanjang tahun. Setiap projek yang telah dirancang akan dilaporkan tahap kemajuannya oleh PSTU kampus di dalam sistem UiSMS. Selain itu, kemajuan prestasi projek turut dipantau oleh pengurusan kanan UiTMPs secara berterusan melalui mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) dan Program Bual Bicara Pencapaian PI yang dijalankan secara berkala sepanjang tahun. Perlaksanaan pelan tindakan strategik kampus ini sentiasa ditambahbaik dari masa ke semasa untuk memastikan UiTMPs mencapai keunggulan segenap aspek terutamanya dalam bidang pengurusan dan pembangunan staf.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Model Transformasi Perancangan Strategik UiTMPs (PS UiTMPs) mengambilkira halatuju UiTM dalam merangka inisiatif untuk mencapai petunjuk prestasi (PI) yang telah ditetapkan (Rujuk Bukti 1).

Oleh itu, PS UiTMPs diolah berdasarkan Pelan Strategik UiTM 2025 bagi menjadikan UiTM sebuah universiti bertaraf global. PS UiTMPs juga memberi perhatian kepada bilangan PI yang ditetapkan, iaitu sebanyak **79 PI pada tahun 2023**. Jumlah PI yang tinggi ini berpotensi menyebabkan pertindihan yang tidak tepat kepada pemilik. Bagi memastikan pemetaan yang tepat kepada PI, PS UiTMPs membahagikan PI kepada **lima (5) teras utama** iaitu; **(i) Projek Khas Rektor, (ii) Pendidikan Berkualiti, (iii) Penyelidikan & Penerbitan Berimpak, (iv) Graduan Seimbang & Keusahawanan, dan (v) Kecemerlangan Bakat & Kelestarian Kampus**.

Pengumpulan maklumat yang tepat, pantas dan efisien dapat mempergiatkan lagi proses pemantauan setiap unit/bahagian dalam mencapai sasaran PI. Oleh itu, sistem *dashboard* yang dikenali sebagai **UiTM Talent Excellence Management System (TEMS)** adalah merupakan satu inovasi yang terhasil daripada transformasi PS UiTMPs. TEMS memudahkan urusan pengumpulan maklumat terperinci staf mengikut kategori seperti berikut; **(i) Pengalaman Industri, (ii) Kelayakan Profesional, (iii) Sangkutan Staf, (iv) Keahlian Akademik/ Badan Profesional/ Persatuan/ NGO, dan (v) Anugerah dan Pencapaian**. Setiap teras PS UiTMPs tersebut dipetakan kepada unit/bahagian yang bersesuaian (Rujuk Bukti 2).

Pemilik PI yang bertindak sebagai pengurus projek serta ahlinya berfungsi untuk memastikan hasil inisiatif PS berimpak tinggi dicapai. Pemerkasaan Pemetaan Petunjuk Prestasi UiTMPs ini direalisasikan melalui program yang telah diadakan iaitu; **(i) Bengkel Perancangan Strategik, (ii) Majlis Amanat Rektor, (iii) Program Sesi Bual Bicara Pencapaian PI dan (iv) Sesi Pelaporan Pencapaian PI UiTMPs 2023** (Rujuk Bukti 3). Pendekatan ini adalah bagi memastikan kesemua inisiatif **diperhalusi, dipantau, dihebah dan dipinda** untuk penambahbaikan secara berkala agar semua PI dapat dicapai.

Pemantapan PS UiTMPs juga diperkuatkan melalui penubuhan **Strategic Action Team** yang diketuai oleh Rektor, Pengurusan UiTMPs, Penyelaras Perancangan Strategik (PSTU), Unit Kualiti, Pengurus, serta ahli projek yang terlibat. Kepimpinan UiTMPs turut mengambil langkah proaktif dengan menubuhkan **Jawatankuasa Perancangan Strategik UiTMPs** untuk membantu PSTU dalam memastikan kelancaran pengurusan dan pemantauan inisiatif (Rujuk Bukti 4).

Dalam pengurusan dan pembangunan staf, UiTMPs komited untuk menghasilkan staf akademik dan pentadbiran yang holistik serta dinamik melalui semua teras utama PS UiTMPs. Usaha ini telah diperincikan lagi dengan penetapan **lima (5) sasaran utama** iaitu; **(i) Memastikan Ketampakan dan Kepakaran Warga UiTMPs, (ii) Mensinergikan Peranan Setiap Entiti, (iii) Memperkasakan Jaringan Serta Kerjasama Antara Universiti, (iv) Menggalakkan Penjana Hasil Melalui Kepakaran Bidang dan (v) Memantapkan Budaya Kerja Dinamik** (Rujuk Bukti 5).

Nadi utama dalam membangunkan bidang tumpuan ini digerakkan oleh inisiatif-inisiatif Teras 1: Projek Khas Rektor, sementara inisiatif sekunder dilaksanakan secara sinergi oleh teras-teras lain berdasarkan kepakaran staf. Inisiatif utama Teras 1 memfokuskan kepada pemerkasaan ketampakan serta kepakaran warga UiTMPs (**UiTM Perlis@School, UiTM Perlis Reach, Fiesta@UiTM Perlis, Kasih Ramadhan@UiTM Perlis**), jaringan luar (**UiTM Perlis@Global Partners**) dan penjana pendapatan (**UiTM Perlis@Income Generation**).

Secara kesimpulannya, pendekatan PS UiTMPs adalah sistematik dan komprehensif kerana ianya berpandukan kepada Model Transformasi PS UiTMPs dan inovasi sistem *dashboard* (TEMS) yang telah diperhalusi secara khusus oleh **Strategic Action Team** sekaligus mendorong kepada peningkatan kecemerlangan bakat staf.

SENARAI BUKTI:

1. [K0033_P01_PB02_20241_Bukti 1 UiTMPs_K2 Pendekatan.pdf](#)
2. [K0033_P01_PB02_20242_Bukti 2 UiTMPs_K2 Pendekatan.pdf](#)
3. [K0033_P01_PB02_20243_Bukti 3 UiTMPs_K2 Pendekatan.pdf](#)
4. [K0033_P01_PB02_20244_Bukti 4 UiTMPs_K2 Pendekatan.pdf](#)
5. [K0033_P01_PB02_20245_Bukti 5 UiTMPs_K2 Pendekatan.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Strategising towards GRU2025: Dream Big, Go Beyond

UiTMPs dalam usaha mencapai misi dan visi GRU2025 telah disejajarkan dengan lima (5) teras strategik UiTMPs 2023; projek Khas Rektor, Pendidikan Berkualiti, Penyelidikan & Penerbitan Berimpak, Graduan Seimbang & Keusahawanan dan Kecemerlangan Bakat & Kelestarian Kampus. Teras ini yang memperkasa modal insan, bakat dan minda kreatif dan inovatif sejajar dengan pelan pembangunan pendidikan Malaysia (2013-2025). Pelbagai inisiatif telah diwujudkan melalui pengstrukturkan dan pementapan tadbir urus UiTMPs untuk mengembangkan bakat staf ke peringkat lebih tinggi, etika dan akhlak baik dan memantapkan peranan mereka dalam pelbagai bidang tugas.

Dalam usaha yang telah dilakukan bagi mencapai objektif dan inisiatif yang telah dibentuk, perancangan strategik disebarluaskan kepada warga UiTM, komuniti dan global secara berkala serta sistematik, melalui beberapa platform.

(1) Peluasan peringkat UiTM Perlis

- **Bengkel Perancangan Strategik:** Bengkel yang telah diadakan di Shah Alam bersama semua pengurusan tertinggi UiTMPs bagi membincangkan perancangan yang akan dilakukan pada tahun 2023 bagi mencapai matlamat yang telah diperturunkan. Selain itu majlis penyampaian insentif kecemerlangan kepada fakulti dan bahagian telah berjaya dilaksanakan bagi memantapkan tadbir urus setiap fakulti dan bahagian (Rujuk Bukti 1).
- **Majlis Amanat Rektor:** Majlis yang telah diadakan di Dewan Seri Semarak UiTMPs. Majlis ini telah dihadiri oleh semua pengurusan tertinggi dan juga warga kampus yang lain termasuk staf dan badan perwakilan pelajar. Perancangan strategik beserta dengan projek khas rektor bagi tahun 2023 telah disampaikan semasa majlis tersebut (Rujuk Bukti 2).
- **Mel Elektronik (e-mel), Pembentangan dan Bual Bicara;** Maklumat disampaikan melalui e-mel kepada koordinator strategik & transformasi universiti. Pencapaian perancangan strategik dibentangkan oleh koordinator di dalam mesyuarat jawatankuasa eksekutif negeri bersama pengurusan tertinggi UiTMPs. Bual bicara mengenai pencapaian petunjuk prestasi juga diadakan pada 10 Ogos 2023 untuk membincangkan strategi yang dilakukan bagi mencapai prestasi (Rujuk Bukti 3).

(1) Peluasan peringkat Komuniti dan Global

- **Laman Sesawang;** Maklumat mengenai **pelan perancangan strategik (SAP) dan indeks prestasi (PI) dimuat naik** ke laman sesawang UiTMPs oleh *Strategic Action Teams*. Selain menjadi **medium penyampaian maklumat**, laman sesawang ini juga menjadi **Hub Data** pengurusan dan Pembangunan staf. Dimana, **Talent Excellence Management System (TEMS)** berjaya dibangunkan di laman sesawang untuk perkongsian maklumat staf dengan bahagian penyelarasan perancangan strategik (Rujuk Bukti 4).
- **Media Sosial dan penerbitan;** Media sosial UiTMPs, seperti Facebook dan Instagram, merupakan platform yang aktif digunakan untuk meningkatkan ketampakan dan menyampaikan maklumat. Hasil usaha ini, UiTMPs berjaya meraih **tempat pertama dalam Anugerah Prestasi Kecemerlangan Ketampakan**. Selain media sosial, UiTMPs juga telah menerbitkan buku Amanat Rektor 2023, yang telah didaftarkan di Perpustakaan Negara Malaysia. Buku ini boleh diakses oleh orang ramai, dan maklumat mengenai perancangan strategik UiTMPs kini tersebar di peringkat komuniti serta global (Rujuk Bukti 5).

Melalui perluasan ini, UiTMPs bukan sahaja memantapkan pengurusan dan pembangunan staf, tetapi juga memperluas impak mereka di peringkat komuniti dan global, selari dengan visi GRU2025.

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_P01_PB03_20241_Bukti 1 UiTMPs_K2_Perluasan.pdf](#)
2. [K0033_P01_PB03_20242_Bukti 2 UiTMPs_K2_Perluasan.pdf](#)
3. [K0033_P01_PB03_20243_Bukti 3 UiTMPs_K2_Perluasan.pdf](#)
4. [K0033_P01_PB03_20244_Bukti 4 UiTMPs_K2_Perluasan.pdf](#)
5. [K0033_P01_PB03_20245_Bukti 5 UiTMPs_K2_Perluasan.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

UiTMPS memastikan Pelan Tindakan Strategik 2023 berjalan lancar dengan **pemantauan dan penilaian yang sistematik dan berterusan**. Untuk tujuan ini, UiTMPS telah membangunkan **Model Pemantauan RLST**: Rancang (**Plan**), Laksana (**Do**), Semak (**Check**), dan Bertindak (**Act**) (Rajah 2.4(a)) (Rujuk Bukti 1). Semua projek dalam pelan strategik ini dirancang secara sistematik menggunakan dua pendekatan utama:

1. **Konvensional** secara Bersemuka: Melalui mesyuarat dan bengkel.
2. **Teknologi** secara Maya: Melalui persidangan video dan emel.

Pendekatan ini menggabungkan pemantauan dari atas ke bawah (**top-down**) dan dari bawah ke atas (**bottom-up**), yang memastikan komunikasi dua hala. Pengurusan tertinggi menyampaikan informasi kepada kumpulan sasaran, dan input dari kumpulan sasaran pula digunakan untuk merancang dan memperbaiki strategi.

Bagi Pelaksanaan (**Do**), **Jawatankuasa PS yang diketuai oleh PSTU** telah dibentuk untuk memantau prestasi projek yang dilaksanakan bersama dengan **Strategic Action Team** dan Pengurusan UiTMPS (Rajah 2.4(b))(Rujuk Bukti 2). Jawatankuasa ini **memantau pelaksanaan projek melalui Sistem UiSMS** pada setiap bulan. Pengarah Projek dan Pengurus Projek telah melaporkan kemajuan projek melalui Sistem UiSMS (Rajah 2.4(c)) (Rujuk Bukti 3).

Proses Semakan (**Check**) dilakukan untuk projek-projek yang mempunyai kemajuan rendah agar langkah alternatif dapat diambil. **Analisa pemantauan dan kemajuan projek** telah dibentangkan secara berkala oleh PSTU kepada pengurusan UiTMPS melalui **Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN)** dan **Program Bual Bicara Pencapaian Petunjuk Prestasi (PI)** (Rajah 2.4(d))(Rujuk Bukti 4).

Tindakan Penambahbaikan (**Act**) dilaksanakan berdasarkan input dari Mesyuarat JKEN dan Program Bual Bicara. **Analisa SWOT** (Strengths, Weaknesses, Opportunities, Threats) digunakan untuk memperbaiki Pelan Tindakan Strategik kampus. Dengan Model Pemantauan RSLT yang sistematik dan Analisa SWOT ini, kemajuan projek sentiasa dikemaskini dan tindakan alternatif yang pantas dapat diambil untuk memastikan pencapaian Pelan Tindakan Strategik kampus **mencapai piawaian** yang ditetapkan (Rajah 2.4(e))(Rujuk Bukti 5).

SENARAI BUKTI:

1. [K0033_P01_PB04_PC01_20241_Bukti_1_UiTMPS_K2_Pembelajaran_Pemantauan.pdf](#)
2. [K0033_P01_PB04_PC01_20242_Bukti_2_UiTMPS_K2_Pembelajaran_Pemantauan.pdf](#)
3. [K0033_P01_PB04_PC01_20243_Bukti_3_UiTMPS_K2_Pembelajaran_Pemantauan.pdf](#)
4. [K0033_P01_PB04_PC01_20244_Bukti_4_UiTMPS_K2_Pembelajaran_Pemantauan.pdf](#)
5. [K0033_P01_PB04_PC01_20245_Bukti_5_UiTMPS_K2_Pembelajaran_Pemantauan.pdf](#)

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Dalam usaha **melahirkan staf akademik dan pentadbiran yang holistik serta dinamik**, UiTMPS tidak terlepas daripada **menghadapi pelbagai risiko**. Pengurusan risiko yang berkesan sangat penting kerana ia melibatkan kos dan manfaat dalam jangka masa pendek dan panjang. Oleh itu, UiTMPS telah menubuhkan **Jawatankuasa Pengurusan Risiko** (Rujuk Bukti 1) untuk mengawal dan memantau risiko-risiko yang mungkin timbul semasa pelaksanaan inisiatif dalam perancangan strategik. Risiko tersebut dianalisis berdasarkan tahap dan impaknya terhadap: (1) strategi, (2) reputasi, (3) kewangan, (4) operasi, dan (5) reputasi, dan langkah-langkah awal diambil untuk memastikan tiada kegagalan dalam mencapai KPI yang ditetapkan oleh UiTMPs (Rajah 2.4(f))(Rujuk Bukti 1).

Risiko bagi setiap inisiatif strategik telah direkodkan menggunakan **Templat Pengurusan Risiko** untuk Pelan Tindakan Strategik 2023 yang telah ditambahbaik dari BTU (Rajah 2.4(g))(Rujuk Bukti 2). Rajah 2.4 (h) (Bukti 3) menunjukkan **contoh Templat Pengurusan Risiko** yang telah diisi pada tahun 2023.

Semua projek yang termaktub di dalam Pelan Tindakan Srategik 2023 telah didaftarkan di sistem UiSMS. Semua projek perlu **dinilai dan dikenalpasti tahap risiko** samada **rendah, sederhana, tinggi atau ekstrem** dan turut didaftarkan ke Sistem UiSMS (Rajah 2.4 (i) (Rujuk Bukti 4). Untuk projek yang mempunyai tahap risiko yang tinggi dan ekstrem, **pelan mitigasi** telah dirancang dan direkodkan (Rujuk Bukti 2). Jika berlaku sebarang masalah atau halangan semasa projek sedang berjalan, pelan mitigasi akan dilaksanakan bagi memastikan tiada kegagalan dalam mencapai KPI dan PI yang telah ditetapkan UiTM kepada UiTM Cawangan Perlis.

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_P01_PB04_PC02_20241_Bukti_1_UiTMPs_K2_Pembelajaran_Risiko.pdf](#)
2. [K0033_P01_PB04_PC02_20242_Bukti_2_UiTMPs_K2_Pembelajaran_Risiko_2.pdf](#)
3. [K0033_P01_PB04_PC02_20243_Bukti_3_UiTMPs_K2_Pembelajaran_Risiko.pdf](#)
4. [K0033_P01_PB04_PC02_20244_Bukti_4_UiTMPs_K2_Pembelajaran_Risiko.pdf](#)

2.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Hasil pemantauan inisiatif strategik dibentangkan secara berkala dalam Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) seperti yang dirujuk dalam Rajah 2.4(j) (Bukti 1). Setelah mesyuarat tersebut, strategi dan inisiatif yang dibincangkan disampaikan kepada seluruh warga UiTM Perlis (UiTMPs) melalui pelbagai saluran, termasuk secara fizikal dan atas talian. Antara saluran komunikasi yang digunakan adalah **Sesi Bual Bicara Pencapaian PI Kampus** UiTMPs (Rajah 2.4(k) (Rujuk Bukti 2), **email pemakluman mengenai Pencapaian Petunjuk Prestasi** (Rajah 2.4(l) (Rujuk Bukti 3), serta **laman sesawang** Unit Perancangan Strategik dan Transformasi Universiti UiTMPs yang memaparkan pencapaian PI Kampus (Rajah 2.4(m)(Rujuk Bukti 4).

Usaha ini bertujuan untuk memastikan bahawa Pengurusan UiTMPs dan seluruh warga universiti **menerima maklumat yang tepat dan terkini** dengan cara yang cepat. Mekanisme penerangan ini juga melibatkan kumpulan sasar, iaitu staf, dalam memberikan input bagi penambahbaikan berterusan. Selain itu, **input dan maklum balas dari warga** dikumpulkan secara berkesan melalui aplikasi-aplikasi mudah diakses seperti Facebook, WhatsApp, Google Form, dan lain-lain. Aplikasi-aplikasi ini dipilih kerana ia mesra pengguna dan sentiasa terkini. **Sinergi antara penglibatan dan sumbangan nilai tambah dari warga** telah memberikan kesan langsung terhadap peningkatan kualiti dan kecemerlangan UiTMPs, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2.4(n) (Rujuk Bukti 5).

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_P01_PB04_PC03_20241_Bukti_1_UiTMPs_K2_Pembelajaran_Penambahbaikan.pdf](#)
2. [K0033_P01_PB04_PC03_20242_Bukti_2_UiTMPs_K2_Pembelajaran_Penambahbaikan.pdf](#)
3. [K0033_P01_PB04_PC03_20243_Bukti_3_UiTMPs_K2_Pembelajaran_Penambahbaikan.pdf](#)
4. [K0033_P01_PB04_PC03_20244_Bukti_4_UiTMPs_K2_Pembelajaran_Penambahbaikan.pdf](#)
5. [K0033_P01_PB04_PC03_20245_Bukti_5_UiTMPs_K2_Pembelajaran_Penambahbaikan.pdf](#)

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pengurusan UiTMPs menggunakan slogan **“Strategising towards GRU2025: Dream Big, Go Beyond”** untuk memacu kampus dalam mencapai objektif dan inisiatif strategik, terutama dalam bidang pengurusan dan pembangunan staf, seperti yang dirangka dalam Pelan Tindakan Strategik 2023. Slogan ini telah diterima dan menjadi **sebahagian daripada budaya warga kampus**.

Secara keseluruhannya, terdapat lima kluster kecemerlangan utama yang menjadi fokus pengurusan kanan dalam usaha membentuk staf akademik dan pentadbiran yang holistik serta dinamik, selaras dengan aspirasi kampus untuk mencapai kecemerlangan. Selain itu, **laungan slogan “Strategising towards GRU2025: Dream Big, Go Beyond”** yang mempunyai daya tarikkannya tersendiri, telah memeriahkan suasana dan membangkitkan semangat setiap kali warga kampus berkumpul, sama ada dalam mesyuarat, bengkel, kursus, majlis keramaian, pertandingan, dan lain-lain (Rajah 2.5 (a) (Bukti 1).

Melalui slogan “Strategising towards GRU2025: Dream Big, Go Beyond”, pelbagai **inovasi** telah berjaya dihasilkan. Antaranya adalah:

i. **Penghasilan Model Transformasi Perancangan Strategik UiTM Cawangan Perlis 2023** yang menjadi sumber rujukan utama untuk memastikan semua perancangan yang termaktub di dalam Pelan Tindakan Strategik UiTM Cawangan Perlis 2023 berjaya dicapai (Rajah 2.5 (b) (Rujuk Bukti 2). Model ini diolah berdasarkan Pelan Strategik UiTM 2025 bagi menjadikan UiTM sebuah universiti bertaraf global.

ii. **Pembangunan Talent Excellent Management System (TEMS)** oleh Unit Perancangan Strategik dan Transformasi Universiti UiTM Cawangan Perlis. Sistem ini dapat memaparkan maklumat terperinci bagi membantu Pengurusan UiTMPs dalam memantau dan menilai kemajuan terkini serta mencapai PI berkaitan bakat dan kecemerlangan staf (Rajah 2.5 (c) (Rujuk Bukti 3).

iii. Menjadikan **PSTU sebagai ahli turut hadir** di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) di mana PSTU dapat menyampaikan maklumat secara terus mengenai pelan perancangan strategik kampus dan juga pencapaian terkini KPI dan PI kampus (Rajah 2.5 (d)(Rujuk Bukti 4).

iv. **Program Bual Bicara Pencapaian Petunjuk Prestasi (PI)** telah diadakan untuk membincangkan mengenai isu-isu berkaitan Pencapaian PI dan projek-projek yang mempunyai kemajuan rendah agar langkah alternatif dapat diambil. Program ini dihadiri oleh Pengurusan UiTMPs dan warga kampus (Rajah 2.5 (d) (Rujuk Bukti 4).

v. **Penubuhan Strategic Action Team** yang diketuai oleh Rektor, Pengurusan UiTMPs, PSTU, Pengarah, Pengurus, serta ahli projek yang terlibat untuk memantapkan lagi fungsi Unit Perancangan Strategik dan Transformasi Universiti UiTMPs. Pasukan ini juga bertanggungjawab dalam memastikan semua inisiatif di bawah Pelan Perancangan Strategik dapat dijayakan dan semua petunjuk prestasi (PI) dapat dicapai dengan jayanya (Rajah 2.5 (e) dan Rajah 2.5 (f) (Rujuk Bukti 5).

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_P01_PB05_20241_Bukti 1 UiTMPs_K2_Integrasi.pdf](#)
2. [K0033_P01_PB05_20242_Bukti 2 UiTMPs_K2_Integrasi.pdf](#)
3. [K0033_P01_PB05_20243_Bukti 3 UiTMPs_K2_Integrasi.pdf](#)
4. [K0033_P01_PB05_20244_Bukti 4 UiTMPs_K2_Integrasi.pdf](#)
5. [K0033_P01_PB05_20245_Bukti 5 UiTMPs_K2_Integrasi.pdf](#)

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Istilah pelanggan UiTMPs merujuk kepada individu atau pihak yang terlibat secara langsung serta memainkan peranan penting dalam Pengurusan dan Pembangunan Staf di UiTMPs. Untuk memastikan agenda tumpuan pelanggan dapat melahirkan satu ekosistem yang holistik dan kondusif, perancangan UiTMPs diselaraskan dengan Pelan Strategik UiTM 2025 yang memberi penekanan agresif demi memacu universiti ke taraf global, sejajar dengan Rancangan Malaysia Ke-11, yang menyasarkan pembangunan modal insan untuk mencapai status negara maju. Bahagian ini membincangkan tumpuan kepada pelanggan di UiTMPs, merangkumi pelbagai aspek pengurusan dan pembangunan staf. Berikut adalah ringkasan bagi setiap bahagian utama. Dua kategori pelanggan dikenalpasti: pelanggan dalaman (staf akademik dan pentadbiran) dan pelanggan luaran (pelajar, alumni, dan pemegang taruh lain). Hubungan simbiosis antara kedua-dua kategori ini penting untuk pengoperasian dan tadbir urus yang efisien. Pengumpulan dan pengurusan data pelanggan dilakukan secara sistematik melalui pelbagai platform aduan. Inisiatif seperti sistem e-Aduan dan program Hari Bertemu Pelanggan memperkukuh interaksi dan maklum balas daripada pelanggan. UiTMPs melaksanakan program penghargaan untuk meningkatkan interaksi dengan pelanggan dan mengumpul maklum balas untuk menilai keberkesanan inisiatif. UiTMPs menggunakan model PDCA untuk mengenal pasti dan mengurus risiko yang berkaitan dengan pengoperasian dan maklum balas pelanggan. Bengkel Pengurusan Risiko diadakan untuk melestarikan hubungan dengan pelanggan, dengan maklum balas diproses secara efisien untuk meningkatkan perkhidmatan. Secara keseluruhannya, UiTMPs berkomitmen untuk membina hubungan yang lebih baik dengan pelanggan melalui inisiatif yang berfokus kepada keperluan dan maklum balas mereka. UiTMPs telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan kepuasan staf, yang mana telah terbukti berkesan dalam meningkatkan Index Kegembiraan Staf. Justeru itu, strategi UiTMPs yang berfokus kepada penghargaan, pembangunan staf dan persekitaran kerja yang kondusif telah berjaya meningkatkan kepuasan dan motivasi staf, yang tercermin melalui peningkatan Indeks Kegembiraan Staf. Ini menunjukkan komitmen UiTMPs dalam membangunkan potensi staf sebagai aset penting universiti. Pada tahun lalu, UiTMPs meraih penarafan 6 bintang dalam pencapaian Petunjuk Prestasi (KPIs), dengan 94% pencapaian daripada 67 petunjuk yang ditetapkan. Ini menunjukkan komitmen UiTMPs dalam melestarikan hubungan dengan pelanggannya hingga ke tahap cemerlang. Selain itu, UiTM Cawangan Perlis menduduki tempat kedua terbaik di kalangan semua kampus dalam sistem UiTM, serta menandatangani 39 Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA) dalam tiga tahun, termasuk kerjasama dengan universiti dan industri antarabangsa. Secara keseluruhan, kejayaan UiTMPs dalam meningkatkan Index Kegembiraan Staf dan pencapaian KPIs membuktikan keberkesanan pendekatan pengurusan yang holistik dan humanistik, serta komitmen untuk membangunkan potensi staf sebagai aset penting bagi kejayaan jangka panjang universiti.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UiTMPs yakin bahawa **kampus yang cemerlang adalah manifestasi daripada komuniti pelanggan yang cemerlang**. Justeru, **dua kumpulan sasaran** iaitu pelanggan dalaman dan pelanggan luaran telah dikenalpasti bagi bidang tumpuan Pengurusan dan Pembangunan Staf. Pelanggan dalaman terdiri daripada staf akademik dan staf pentadbiran UiTMPs seperti dalam Rajah 3.2 (a) (**Rujuk Bukti 1**). Profil kepakaran dan perincian tugas ditafsirkan seperti Jadual 3.2 (a) (**Rujuk Bukti 1**). Staf akademik berperanan sebagai pendidik, pakar rujuk, menjalinkan hubungan mobiliti antarabangsa dan memberi sumbangan khidmat masyarakat. Staf pentadbiran yang terbahagi kepada kumpulan pengurusan dan profesional dan kumpulan pelaksana pula berfungsi mengikut PTJ masing-masing iaitu Pejabat Rektor, BHEA, BHEP dan PJIM&A.

Pelanggan luaran UiTMPs ditakrifkan sebagai pemegang taruh yang terlibat secara langsung dan tidak langsung seperti pelajar, alumni, komuniti setempat, badan profesional, industri, agensi kerajaan serta rakan universiti antarabangsa yang menjalinkan hubungan dengan UiTMPs seperti dalam Rajah 3.2 (b) (**Rujuk Bukti 2**). Rajah 3.2 (c) memperlihatkan beberapa contoh rakan universiti serta agensi tempatan dan antarabangsa yang menjadi pelanggan luaran UiTMPs (**Rujuk Bukti 2**).

Jelas sekali, kedua-dua pelanggan ini merupakan **kunci dalam memperkasa tadbir urus kampus UiTMPs**. Rajah 3.2 (d) menggambarkan sinergi dinamik di antara UiTMPs dan pelanggan, yang dijana melalui kontak yang seimbang dan menguntungkan kedua-dua belah pihak (**Rujuk Bukti 3**). Pelanggan dalaman menawarkan kepakaran dalam pengoperasian, manakala pelanggan luaran menyokong ketampakan UiTMPs di peringkat nasional dan global. Simbiosis yang mampan dari hubungan dua hala ini telah memacu pengoperasian tumpuan pelanggan menjadi lebih sistematik dan efisien. Peranan dan keterlibatan setiap kategori pelanggan divisualkan dalam Jadual 3.2 (b) dan Rajah 3.2 (e) (**Rujuk Bukti 3**).

Bagi meningkatkan pengalaman pelanggan, UiTMPs telah **melaksanakan pelbagai inisiatif** termasuk menyediakan ruang rehat staf (KKA Lounge) seperti dalam Rajah 3.2 (f) untuk pertemuan santai di antara kedua-dua pelanggan (**Rujuk Bukti 4**). Selain itu, UiTMPs turut **komited dalam menjamin kemajuan kerjaya kesemua staf** dengan menyediakan peluang menyertai kursus dan latihan di peringkat dalam dan luar negara seperti dalam Rajah 3.2 (g), demi memperkembang ilmu dan kemahiran yang sedia ada (**Rujuk Bukti 4**).

Inovasi dalam kaedah **pelaksanaan proses tumpuan pelanggan** dizahirkan dengan pelantikan Koordinator Unit Komunikasi Korporat (KUKK) dan Pegawai Yang Bertanggungjawab (PYB) seperti dalam Rajah 3.2 (h) (**Rujuk Bukti 5**). KUKK berperanan menyalurkan informasi dan menguruskan aduan pelanggan, manakala PYB fokus kepada penyelesaian aduan dengan mengkaji punca masalah/ cadangan yang telah dibangkitkan. Skop tugas KUKK dan PYB ini dihuraikan dalam Rajah 3.2 (i) (**Rujuk Bukti 5**). Tuntasnya, langkah dan solusi ini mencerminkan komitmen berterusan UiTMPs dalam memberikan khidmat cemerlang kepada semua pelanggan.

SENARAI BUKTI:

1. [K0033_T01_TB02_20241_Bukti_1_UiTMPs_K3_Pendekatan.pdf](#)
2. [K0033_T01_TB02_20242_Bukti_2_UiTMPs_K3_Pendekatan.pdf](#)
3. [K0033_T01_TB02_20243_Bukti_3_UiTMPs_K3_Pendekatan.pdf](#)

4. [K0033_T01_TB02_20244_Bukti 4 UiTMPs_K3_Pendekatan.pdf](#)
5. [K0033_T01_TB02_20245_Bukti 5 UiTMPs_K3_Pendekatan.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengumpulan, penyimpanan dan pengenalpastian data pelanggan UiTMPs telah direkodkan secara sistematik bagi memastikan setiap aduan/ maklum balas dapat diselaraskan dengan lebih efektif seperti Jadual 3.3 (a) (**Rujuk Bukti 1**). **Pengenalpastian data pelanggan** dalaman dilakukan menerusi dua platform utama iaitu Portal i-Staf dan HR2U, manakala pangkalan data PRIME dan IRMIS, serta Portal i-Student, UFUTURE dan SIMS (Rajah 3.3 (a)) pula digunapakai untuk mengekstrak maklumat pelanggan dalaman dan luaran (**Rujuk Bukti 1**).

Sistem aduan/ maklum balas pelanggan telah diinovasikan melalui pelaksanaan e-Aduan dengan kod QR, Borang Aduan Maklumbalas Pelanggan (AMP), platform media sosial serta lain-lain platform elektronik seperti emel, aplikasi WhatsApp dan SMS. Pada tahun 2023 (Rajah 3.3 (b)), sejumlah 24 (45%) aduan telah direkodkan menerusi sistem e-Aduan, 1 (2%) aduan menerusi media sosial dan 28 (53%) aduan menerusi platform elektronik (**Rujuk Bukti 2**). Ini menunjukkan **keberkesanan pelbagai saluran yang digunakan untuk mengumpul maklum balas pelanggan**, sekaligus menjadi paksi penting dalam penambahbaikan perkhidmatan.

Mesyuarat Kakitangan Akademik (MKA) merupakan salah satu wadah untuk menyebarkan aduan/ maklum balas pelanggan seperti Rajah 3.3 (c) (**Rujuk Bukti 2**). Strategi **perluasan secara inklusif** dapat dilihat melalui sistem e-Aduan, AMP, platform media sosial dan platform elektronik, di mana hasil analisa telah dibentangkan dalam mesyuarat MKSP UiTMPs seperti Rajah 3.3 (d) (**Rujuk Bukti 2**).

Program Ekspo Selangkah ke UiTM (ESKU) pula adalah antara kaedah perluasan yang dijalankan secara bersemuka bersama pelanggan (Rajah 3.3.(e)). Program yang bertujuan mempromosikan program-program akademik yang ditawarkan oleh kampus ini telah menjadi "one-stop centre", dan memberikan **impak yang signifikan terhadap ketampakan UiTMPs** (**Rujuk Bukti 3**). Selain itu, para pelanggan juga boleh mengakses maklumat hebahan atau aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh kampus melalui laman sesawang dan platform media sosial rasmi UiTMPs seperti Rajah 3.3 (f) (**Rujuk Bukti 3**).

Sejajar dengan komitmen UiTMPs dalam **memperluas khidmat kemasyarakatan**, pelbagai projek komuniti telah diadakan. Terdapat **empat strategi** yang dilaksanakan bagi menyokong hasrat tersebut iaitu *UiTM Perlis@School*, *UiTM Perlis Reach*, *Fiesta@UiTM Perlis* dan *Kasih Ramadan@UiTM Perlis*. Program Junior Rocket yang dianjurkan pada 2 Disember 2023 (Rajah 3.3 (g)) misalnya, telah memfokuskan pemindahan ilmu kepada pelajar sekolah rendah di sekitar negeri Perlis (**Rujuk Bukti 4**). Penganjuran Karnival Lestari Inovasi dan Keusahawanan Siswa (KLiKS) 2023 (Rajah 3.3 (h)) pula telah berjaya mencatatkan lebih 6000 pengunjung di kalangan warga kampus dan masyarakat setempat. Karnival ini bertujuan mengeratkan jaringan kerjasama di antara kampus, komuniti dan agensi tempatan, dengan membuka peluang perniagaan serta membudayakan aktiviti inovasi dan keusahawanan (**Rujuk Bukti 4**).

Sinergi antara UiTMPs dan pelanggan terbukti dicapai menerusi **kejayaan UiTMPs** mengungguli beberapa tempat dalam Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti (AKPU 2023) (Rajah 3.3 (i)). Antaranya ialah **tempat pertama kategori Ketampakan UiTM 2023**, tempat keempat kategori Globally Marketable 2023: Pillar 3 & 4: Turning Globally Marketable Staff & Excellent Supporting Staff dan tempat kelima kategori Globally Marketable 2023: Pillar 5

& c. highly involved industry, community & engaging Admin (Rujuk Bukti 5). Kemudiannya, model PDCA yang diadaptasi ke dalam bidang tumpuan pelanggan (Rajah 3.3 (j)) telah berjaya diterjemah melalui **libat urus secara holistik dalam perancangan, pelaksanaan dan pelan tindakan UiTMPs (Rujuk Bukti 5).**

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_T01_TB03_20241_Bukti_1_UiTMPs_K3_Perluasan.pdf](#)
2. [K0033_T01_TB03_20242_Bukti_2_UiTMPs_K3_Perluasan.pdf](#)
3. [K0033_T01_TB03_20243_Bukti_3_UiTMPs_K3_Perluasan.pdf](#)
4. [K0033_T01_TB03_20244_Bukti_4_UiTMPs_K3_Perluasan.pdf](#)
5. [K0033_T01_TB03_20245_Bukti_5_UiTMPs_K3_Perluasan.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Sejajar dengan usaha pemantauan dalam hubungan pelanggan, UiTMPs telah menghargai komitmen dan sinergi antara pelanggan dalaman dan luaran. Dalam usaha ini, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan dengan baik untuk memenuhi keperluan pelanggan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan UiTMPs. Antara inisiatif yang telah diambil termasuk penganjuran program-program yang bertujuan untuk meningkatkan interaksi dan komunikasi dengan pelanggan. UiTMPs telah melaksanakan program penghargaan seperti **Anugerah Semarak Gemilang** untuk staf pentadbiran dan **Semarak Sanjung** untuk staf akademik, sebagai pengiktirafan terhadap kepakaran penyelidikan di peringkat antarabangsa dan perkhidmatan cemerlang. Secara keseluruhannya, usaha UiTMPs dalam menghargai komitmen dan sinergi dengan pelanggannya adalah langkah strategik yang penting.

Melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif, UiTMPs tidak hanya berusaha untuk membina hubungan yang lebih baik, tetapi juga untuk memastikan kelestarian dan kejayaan jangka panjang dalam perkhidmatan yang diberikan kepada semua pelanggan seperti di **Rajah 3.4.1 (a) (Rujuk Bukti 1)**. UiTMPs telah memastikan ketampakan dan kepakaran warga universiti dipamerkan melalui penyertaan dalam pelbagai aktiviti luar dan kolaborasi dengan institusi lain. Ini bukan sahaja mengukuhkan hubungan dengan pelanggan tetapi juga meningkatkan reputasi UiTMPs sebagai institusi pendidikan berkualiti. Proses penilaian terhadap inisiatif yang dilaksanakan menjadi fokus utama, di mana UiTMPs mengumpul maklum balas daripada pelanggan untuk menilai keberkesanan program. Maklum balas ini dianalisis untuk memastikan setiap inisiatif selaras dengan keperluan pelanggan, menunjukkan komitmen UiTMPs terhadap orientasi pelanggan. Sebagai insentif, UiTMPs memperkenalkan ganjaran kepada staf akademik yang menerbitkan artikel dalam jurnal berindeks berimpak tinggi seperti ilustrasi **Rajah 3.4.1 (b) (Rujuk Bukti 2)**. Ganjaran ini meningkatkan motivasi staf untuk menghasilkan karya berkualiti dan memperkukuh budaya penulisan jurnal berimpak tinggi di kalangan penyelidik. Sebagai insentif, UiTMPs memperkenalkan ganjaran melebihi RM5000 kepada staf akademik yang menerbitkan artikel dalam jurnal berindeks berimpak tinggi seperti di **Rajah 3.4.1(c) (Rujuk Bukti 3)**. Inisiatif ini memberi kesan positif kepada reputasi UiTMPs di peringkat antarabangsa, meningkatkan jumlah penerbitan berimpak tinggi dan memperkukuh kedudukan universiti dalam ranking global, menarik pelajar dan penyelidik berkualiti serta menjalin kerjasama dengan institusi lain. Keberhasilan UiTMPs diterjemahkan juga dengan kejayaan memperolehi Anugerah **Nexus Approach towards Globally Marketable Engagements** kerana berjaya menjana dana luaran tertinggi tahun 2023, **Rajah 3.4.1 (d) (Rujuk Bukti 4)**.

SENARAI BUKTI:

1. [K0033_T01_TB04_TC01_20241_BUKTI 1_UiTMPs_K3_PEMANTAUAN.pdf](#)
2. [K0033_T01_TB04_TC01_20242_BUKTI 2_UiTMPs_K3_PEMANTAUAN.pdf](#)
3. [K0033_T01_TB04_TC01_20243_BUKTI 3_UiTMPs_K3_PEMANTAUAN.pdf](#)
4. [K0033_T01_TB04_TC01_20244_BUKTI 4_UiTMPs_K3_PEMANTAUAN.pdf](#)
- 5.

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

UiTMPs senantiasa komited dalam mengenal pasti risiko yang dihadapi melalui **model PDCA**. Pendekatan ini memberi tumpuan kepada pengurusan aduan dan maklum balas pelanggan secara sepadu, yang bertujuan untuk memperkasakan penilaian risiko, seperti yang dinyatakan dalam **Rajah 3.4.2 (a) (Rujuk Bukti 1)**. UiTMPs telah mengambil tindakan proaktif untuk menguruskan risiko yang berpotensi memberi kesan kepada kejayaan dan pelaksanaan maklum balas pelanggan. Kebanyakan risiko yang dikenalpasti berkisar pada pengurusan operasi, yang ditunjukkan dalam **Rajah 3.4.2 (b) (Rujuk Bukti 2)**. Risiko-risiko ini telah dibentangkan dalam **Mesyuarat Pemilik Risiko 2023**, di mana tindakan penambahbaikan telah diformulasikan untuk mengatasi isu-isu yang timbul. UiTMPs menunjukkan komitmen berterusan dalam menyelesaikan isu-isu risiko melalui program dan perbincangan berkala sepanjang tahun seperti dalam **Rajah 3.4.2 (c) (Rujuk Bukti 3)**. Pendekatan yang holistik ini adalah untuk memastikan setiap risiko yang dikenalpasti ditangani dengan berkesan, sekaligus meningkatkan kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan. Melalui model PDCA, UiTMPs bukan sahaja dapat mengenal pasti dan mengurus risiko dengan lebih baik, tetapi juga memastikan bahawa maklum balas pelanggan diambil kira dalam setiap langkah yang diambil. Ini membuktikan dedikasi UiTMPs dalam mencapai kecemerlangan dalam pengurusan risiko dan perkhidmatan pelanggan.

Model pengurusan risiko UiTMPs dapat dirangka berdasarkan beberapa elemen penting yang merangkumi kaedah pemantauan maklum balas, pengurusan operasi, pemantapan peraturan dalaman, reputasi, dan pencapaian objektif holistik. Berikut adalah komponen utama model tersebut yang dimodelkan seperti dalam **Rajah 3.4.2 (d) (Rujuk Bukti 4)**. UiTMPs optimis untuk mengumpul dan menganalisis maklum balas dari kontraktor dan pembekal, serta mengambil tindakan pembetulan yang diperlukan. Universiti ini juga berfokus pada peningkatan proses pengurusan operasi dengan memberikan latihan kepada staf dan melakukan pemantauan berterusan untuk memastikan kelancaran operasi. Selain itu, UiTMPs melaksanakan audit berkala untuk memastikan pematuhan peraturan, menyediakan program holistik, dan mewujudkan saluran pelaporan untuk pelanggaran. Program penglibatan dengan masyarakat setempat diadakan untuk meningkatkan reputasi, serta memberikan pengiktirafan kepada staf dan pelajar. UiTMPs menetapkan objektif yang jelas, melakukan pemantauan dan penilaian berkala, serta berkolaborasi dengan pihak berkepentingan untuk mencapai objektif. Model ini mencerminkan pendekatan strategik UiTMPs dalam pengurusan risiko, di mana setiap elemen saling berkaitan dan menyokong matlamat universiti.

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_T01_TB04_TC02_20241_BUKTI 1 UiTMPs_K3_RISIKO.pdf](#)
2. [K0033_T01_TB04_TC02_20242_BUKTI 2 UiTMPs_K3_RISIKO.pdf](#)
3. [K0033_T01_TB04_TC02_20243_BUKTI 3 UiTMPs_K3_RISIKO.pdf](#)
4. [K0033_T01_TB04_TC02_20244_BUKTI 4 UiTMPs_K3_RISIKO.pdf](#)
- 5.

3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

UiTMPs telah mengambil langkah proaktif dalam menguruskan risiko yang dihadapi dengan menganjurkan **Bengkel Pengurusan Risiko** pada tahun 2023 seperti dinyatakan dalam **Rajah 3.4.3 (a) (Rujuk Bukti 1)**. Tujuan utama bengkel ini adalah untuk memastikan UiTMPs dapat melestarikan hubungan dengan pelanggannya, terutama staf dan pelajar. Semua maklum balas yang diterima melalui bengkel ini diproses dan diselesaikan dengan kadar segera. Ini menunjukkan komitmen UiTMPs dalam menangani isu-isu yang dibangkitkan oleh pelanggan secara cekap dan berkesan. Sebagai amalan terbaik, UiTMPs telah berkongsi maklumat melalui pelbagai saluran dengan pelanggan dalaman dan luaran. Ini termasuk penganjuran webinar dan penggunaan sistem maklum balas dalam talian di pusat tanggungjawab (PTJ) yang terlibat seperti dilampirkan dalam **Rajah 3.4.3 (b) (Rujuk Bukti 2)**. Perkongsian maklumat yang telus dan kerap ini membolehkan UiTMPs mengenal pasti risiko dan isu-isu yang dihadapi oleh pelanggan dengan lebih baik. Ini membolehkan universiti mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengurangkan atau mengatasi risiko tersebut. Bengkel Pengurusan Risiko 2023 menunjukkan komitmen berterusan UiTMPs dalam memperkukuh pengurusan risiko universiti. Dengan mengenal pasti risiko, mengambil tindakan pemulihan yang sewajarnya, dan berkongsi maklumat dengan pelanggan, UiTMPs dapat memastikan kelangsungan operasi dan menyediakan perkhidmatan berkualiti kepada warga kampus dan masyarakat. Secara keseluruhan, Bengkel Pengurusan Risiko 2023 di UiTMPs merupakan inisiatif penting dalam memastikan universiti dapat mengenal pasti, menilai dan menguruskan risiko secara sistematik. Ini akan membantu UiTMPs mencapai objektif strategiknya sambil memastikan kepuasan pelanggan yang tinggi.

UiTMPs juga telah berdedikasi dalam menguruskan aduan pelanggan dengan memanfaatkan media sosial dan laman web sebagai saluran utama komunikasi. Ini membolehkan pelanggan, memajukan sebarang aduan dengan mudah seperti di **Rajah 3.4.3 (c) (Rujuk Bukti 3)**. UiTMPs berkomitmen untuk memberikan respons yang cepat dengan memastikan setiap aduan yang diterima ditangani dalam tempoh kurang dari 12 jam. Amalan ini menunjukkan kecekapan dan komitmen UiTMPs terhadap maklum balas pelanggan, di mana setiap aduan diproses dengan serius dan tindakan pembetulan diambil segera. Melalui pendekatan ini, UiTMPs bukan sahaja memperbaiki hubungan dengan pelanggan tetapi juga meningkatkan kepercayaan dan kepuasan mereka terhadap perkhidmatan yang disediakan. Ini mencerminkan usaha UiTMPs untuk sentiasa mendengar dan memenuhi keperluan pelanggan, serta memastikan bahawa setiap maklum balas diambil kira dalam usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan universiti.

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_T01_TB04_TC03_20241_BUKTI 1_UiTMPs_K3_PENAMBAHBAIKAN.pdf](#)
2. [K0033_T01_TB04_TC03_20242_BUKTI 2_UiTMPs_K3_PENAMBAHBAIKAN.pdf](#)
3. [K0033_T01_TB04_TC03_20243_BUKTI 3_UiTMPs_K3_PENAMBAHBAIKAN.pdf](#)
- 4.
- 5.

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Kejayaan UiTMPs dalam mengekalkan kredibilitinya dalam melestarikan hubungan dengan pelanggan dapat dilihat melalui peningkatan **Index Kegembiraan Staf pada tahun 2023**. Peningkatan ini menunjukkan trend positif yang berterusan dalam kepuasan staf, seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 3.5 (a) (Rujuk Bukti 1)**. Penerapan budaya berteraskan tumpuan pelanggan secara holistik dan humanistik telah memberi sumbangan besar kepada pengurusan dan pembangunan staf yang cekap dan mampan. Amalan mengutamakan keperluan dan maklum balas pelanggan, UiTMPs telah menciptakan persekitaran kerja yang lebih positif dan produktif. Budaya ini tidak hanya meningkatkan kepuasan staf, tetapi juga memperkukuh komitmen mereka terhadap organisasi. Staf yang gembira dan berpuas hati cenderung untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan, yang seterusnya meningkatkan reputasi dan kredibiliti UiTMPs di kalangan masyarakat. Secara keseluruhan, kejayaan UiTMPs dalam meningkatkan Index Kegembiraan Staf mencerminkan keberkesanan pendekatan holistik dan humanistik dalam pengurusan. Ini menunjukkan bahawa UiTMPs bukan sahaja berusaha untuk melestarikan hubungan dengan pelanggan tetapi juga berkomitmen untuk membangunkan potensi stafnya, yang merupakan aset penting dalam mencapai kejayaan jangka panjang universiti.

UiTMPs telah mencapai kejayaan yang signifikan dengan meraih **penarafan 6 bintang** dalam pencapaian Petunjuk Prestasi (KPIs) pada tahun lalu, dengan **mencatatkan 94% bagi 67 petunjuk** yang ditetapkan oleh pihak induk. Pencapaian ini mencerminkan komitmen UiTMPs dalam melestarikan hubungan dengan pelanggannya hingga ke tahap cemerlang. Melalui kemampuan perhubungan pelanggan, UiTMPs memastikan semua petunjuk prestasi yang disasarkan tercapai dengan optimum. Secara keseluruhan, UiTM Cawangan Perlis telah berjaya menduduki tempat kedua terbaik di kalangan semua kampus dalam sistem UiTM. Pencapaian ini juga ditandai dengan kejayaan menandatangani **39 Memorandum persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA)** dalam tempoh tiga tahun seperti **Rajah 3.5 (b) (Rujuk Bukti 2)** menjadikan jumlah keseluruhan kepada lebih 65 MoU dan MoA. Dari jumlah tersebut, 11 MoU ditandatangani bersama universiti antarabangsa, 1 dengan industri antarabangsa, 4 dengan universiti tempatan, 18 dengan industri tempatan, dan 5 dengan agensi tempatan.

Selain itu, media sosial menjadi platform yang efektif untuk memperkasa tumpuan kepada pelanggan dengan menyediakan saluran komunikasi dua hala yang pantas dan mudah, membolehkan UiTMPs berinteraksi secara langsung dengan pelajar, staf, dan komuniti. Melalui platform media sosial seperti Facebook dan TikTok, UiTMPs dapat memahami keperluan dan sentimen pelanggan secara 'real-time', memberi maklum balas segera, serta berkongsi kandungan yang relevan dan bermanfaat. Ini bukan sahaja meningkatkan kepuasan pelanggan tetapi juga membina hubungan yang lebih kukuh dan berterusan dengan mereka **Rajah 3.5 (c) (Rujuk Bukti 3)**.

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_T01_TB05_20241_BUKTI 1 UiTMPs_K3_INTEGRASI.pdf](#)
2. [K0033_T01_TB05_20242_BUKTI 2 UiTMPs_K3_INTEGRASI.pdf](#)
3. [K0033_T01_TB05_20243_BUKTI 3 UITMPs_K3_INTEGRASI.pdf](#)
- 4.
- 5.

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTMPs mendukung visi dan misi kearah aspirasi ***Globally Renowed University (GRU) 2025*** dengan memfokuskan kepada tiga strategik utama iaitu **pengajaran & pembelajaran, penyelidikan, penerbitan dan inovasi dan khidmat kepakaran komuniti**. Oleh itu, pengurusan dan pembangunan sumber manusia menjadi aspek penting kepada UiTMPs kerana ia melibatkan pengembangan tenaga kerja yang merupakan aset utama. **Unit Kualiti dan Unit Perancangan Strategik UiTMPs** bertanggungjawab mengumpul dan mengemaskini data-data serta menilai pencapaian sumber ukuran diperingkat fakulti, universiti dan seterusnya antarabangsa. Penilaian pencapaian diperolehi melalui platform utama iaitu MyRA, PRIME dan MyATP. Laporan pencapaian kemudiannya dibentangkan di dalam **Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP)** bersama hasil audit dalam untuk dibincangkan langkah-langkah pencegahan dan penambahbaikan.

UiTMPs menggunakan **PI BTU** sebagai indikator untuk mengukur pencapaian tiga strategik utama yang telah dinyatakan. UiTMPs sentiasa memastikan **produktiviti staf ditingkatkan** bagi melahirkan staf yang kompeten. Seterusnya ia dapat membantu keberkesanan kerja dan UiTMPs dapat mencapai tahap pengurusan sumber manusia yang efektif. Bahagian/Unit di UiTMPs melakukan perbandingan dengan **amalan terbaik dalam industri (benchmarking)** untuk menilai keberkesanan program pembangunan dan mengikuti kajian pasaran serta trend terkini dalam pembangunan sumber manusia untuk memastikan program yang dilaksanakan relevan dan efektif.

UiTMPs mempunyai bahagian yang banyak memainkan peranan utama di dalam memastikan keberkesanan dan kejayaan pembangunan sumber manusia. **Penyelarasan strategik** di mana visi dan misi yang jelas untuk pembangunan sumber manusia telah ditetapkan dan perancangan jangka panjang dibuat dengan menyediakan **pelan pembangunan sumber manusia** yang menyeluruh dan berjangka panjang. UiTMPs juga sentiasa memastikan setiap program pembangunan staf yang relevan dan berkualiti dirancang dengan baik supaya kepuasan dan motivasi staf dapat dipertingkatkan. Staf yang merasa dihargai dan diberi peluang untuk berkembang akan lebih bersemangat dalam menjalankan tugas mereka.

Memantau pengurusan dan pembangunan staf adalah penting untuk memastikan setiap latihan yang dihadiri oleh staf adalah selari dengan visi dan misi supaya ianya dapat mendokong matlamat strategik UiTMPs. Selain itu, maklum balas daripada staf dan penilaian prestasi yang efektif untuk memantau prestasi staf dan keberkesanan program pembangunan telah diaplikasi untuk terus memperbaiki sistem pengurusan dan strategi pembangunan.

Penilaian prestasi secara berkala setiap enam bulan dilaksanakan untuk menilai kemajuan staf dan kesan program Pembangunan. **KPI yang spesifik** untuk setiap staf dan jabatan juga ditetapkan untuk mengukur prestasi dan perkembangan mereka. Selain itu, kehadiran staf dalam sesi latihan juga dipantau untuk memastikan penglibatan yang tinggi. Penglibatan aktif staf dalam aktiviti seperti perbincangan, projek, dan tugas berkumpulan juga turut dipantau.

Penambahbaikan perlu dilaksanakan untuk memastikan UiTMPs mencapai prestasi terbaik. Setiap program pembangunan yang dilaksanakan akan dinilai semula berdasarkan hasil pemantauan dan maklum balas yang diterima. Seterusnya, tindakan pembetulan untuk menangani kekurangan atau masalah yang ditemui dalam program pembangunan diambil

sebagai pelan tindakan. Seterusnya, penilaian keperluan latihan sentiasa dilaksanakan dengan menganalisis jurang kemahiran untuk mengenal pasti keperluan latihan dan pembangunan yang spesifik bagi setiap pekerja.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Mengukur dan memantau pencapaian pengurusan dan pembangunan staf di UiTMPs adalah penting untuk memastikan usaha yang diinvestasikan membawa hasil yang diharapkan. Kemahiran dan pengalaman staf diperlukan bagi memacu keunggulan UiTMPs kearah **GRU 2025**. Untuk meneruskan dan meningkatkan kecemerlangan staf, perancangan pembangunan staf telah diperincikan bagi mengenalpasti peluang untuk penambahbaikan. Pengurusan sentiasa mengukur dan menganalisa pencapaian staf bagi mewujudkan pengurusan yang cekap dan kompetensi.

Pengukuran kecemerlangan UiTMPs adalah berpandukan kepada **PTS 2023 UiTM Perlis**. UiTMPs mensasarkan pencapaian bertunjangan lima teras utama iaitu **Projek Khas Rektor, Pendidikan Berkualiti, Penyelidikan & Penerbitan Berimpak, Graduan Seimbang & Keusahawanan, dan Kecemerlangan Bakat & Kelestarian Kampus**. PI yang telah ditetapkan diagihkan kepada fakulti/bahagian dan perancangan dibuat untuk mencapai sasaran. Pencapaian dibentangkan di dalam MKSP dan tindakan penambahbaikan diambil berdasarkan masalah yang telah dikenalpasti.

4.2.1 Projek Khas Rektor

Bagi tujuan memperkasakan jaringan serta kerjasama antara universiti, projek khas ini telah diwujudkan untuk mengukuhkan lagi hubungan diantara UiTMPs dengan universiti dan industri di peringkat tempatan dan antarabangsa disamping dapat memupuk aktiviti penyelidikan, penerbitan, dan pertukaran pengetahuan. Kerjasama sosial dapat diwujudkan dan kewujudan UiTMPs dapat diperluaskan kepada komuniti setempat. Diantara projek tersebut adalah **UiTM Perlis@Global Partners dan UiTMPerlis@Komuniti**. (Rujuk Bukti 1).

4.2.2 Pendidikan Berkualiti

Ketampakan dan kepakaran warga sentiasa dipastikan dengan memberi tumpuan kepada pencapaian pengajaran dan pembelajaran. Ilmu pengetahuan dikalangan ahli komuniti juga dipertingkatkan melalui *Knowledge Transfer Education Program (KETP)* [\[MN1\]](#) dalam bidang yang berkaitan. Keutamaan juga ditumpukan kepada perkakasan dan perisian terkini dengan menaiktaraf makmal multimedia untuk tujuan mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran para pelajar dengan teknologi dan perisian terkini, seperti **UiTM Perlis@School, UiTM Perlis Reach dan Kasih Ramadhan@UiTM Perlis** (Rujuk Bukti 2).

4.2.3 Semarak Penyelidikan & Penerbitan Berimpak

UiTMPs sentiasa komited di dalam membantu penyelidik dalam permohonan geran dalaman dan luaran bagi tujuan memantapkan budaya kerja dinamik melalui semarak penyelidikan dan inovasi. Dengan itu permohonan geran di UiTM Perlis adalah konsisten [\[MN2\]](#), seterusnya pencapaian KPI universiti untuk penerbitan [\[MN3\]](#) dapat dipertingkatkan (Rujuk Bukti 3). Menariknya, pelbagai aktiviti dijalankan untuk penyelidik bagi menyalurkan dan

membudayakan penulisan dikalangan staf akademik, seperti **Camp Grant Proposal: Novice Researchers Grant Acquisition Project & Writing Series**.

4.2.4 Graduan Seimbang & Keusahawanan

UiTMPs mempunyai kelebihan kepakaran di dalam bidang keusahawanan dan menggalakkan penjualan produk hiliran berasaskan buah harumanis. Ia [\[MN4\]](#) telah berjaya diperkenalkan dan dipasarkan di dalam negara dan diperingkat antarabangsa. Pencapaian staf turut diukur dengan membuka peluang untuk berkongsi kepakaran dan pengalaman masing-masing. Warga UiTMPs bergerak sebagai satu unit dalam beriteraksi dengan komuniti setempat [\[MN5\]](#) dalam melahirkan usahawan yang berkualiti dan berdaya saing (Rujuk Bukti 4).

4.2.5 Kecemerlangan Bakat & Kelestarian Kampus

Pendekatan ini bertujuan untuk mensinergikan peranan setiap entiti dan secara tidak langsung “**Happiness Index**” [\[MN6\]](#) dikalangan staf dapat dipertingkatkan. Pelbagai aktiviti telah diadakan bagi menggalakkan penglibatan staf disamping dapat mengeratkan silaturrahim, seperti **Semarak Korban @ UiTM Perlis, Semarak Raya dan Woodball Piala Rektor**, [\[MN7\]](#) (Rujuk Bukti 5).

SENARAI BUKTI:

1. [K0033_A01_AB02_20241_BUKTI 1_UiTMPs_K4_Pendekatan.pdf](#)
2. [K0033_A01_AB02_20242_BUKTI 2_UiTMPs_K4_Pendekatan.pdf](#)
3. [K0033_A01_AB02_20243_BUKTI 3_UiTMPs_K4_Pendekatan.pdf](#)
4. [K0033_A01_AB02_20244_BUKTI 4_UiTMPs_K4_Pendekatan.pdf](#)
5. [K0033_A01_AB02_20245_BUKTI 5_UiTMPs_K4_Pendekatan.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Metodologi pengukuran yang sistematik dan berstruktur diaplikasikan bagi meningkatkan kualiti dan mencapai objektif yang telah ditetapkan. Kaedah ini juga telah dapat menghasilkan penilaian analisa yang padu berdasarkan data-data yang seterusnya melahirkan staf yang kompeten. Tiga model telah digarapkan iaitu pengukuran pencapaian **UiTMPs secara keseluruhan, staf akademik dan staf pentadbiran.**

UiTMPs konsisten melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memastikan pencapaian sentiasa cemerlang. Reputasi sentiasa dipertingkatkan dengan mengambil pelbagai langkah proaktif seperti mempergiat usaha untuk **meningkatkan penyertaan dalam program akademik dan penyelidikan yang berprestij** (Rujuk Bukti 1), **memperkuh hubungan dengan industri tempatan dan antarabangsa, memperluaskan aktiviti kemasyarakatan dan kolaborasi dengan pihak berkepentingan.** Ini menjadikan UiTMPs institusi yang berprestij di wilayah utara Malaysia (Rujuk Bukti 2).

UiTMPs meletakkan peluasan dalam ukuran, analisa dan mengurus pengetahuan kepada staf akademik sebagai agenda utama. **MyATP [MN1]** diambil untuk mengukur kecemerlangan staf akademik berdasarkan trek *Research, Teaching & Learning, Institutional Leadership, dan Industry Practitioner* yang mempunyai perincian kriteria dan pemberat pengiraan mata, dimana ukurannya dilaksanakan setiap enam bulan. Analisa yang dibuat digunakan untuk menilai pencapaian dan mengukur kompetensi staf. Peluasan penambahbaikan dilaksanakan berdasarkan data-data daripada APC, anugerah luar, kenaikan pangkat yang dapat memotivasikan staf akademik untuk mencapai kejayaan di UiTMPs. Sistem **PRIME [MN2]** digunakan untuk mengukur pencapaian diperingkat tempatan dan antarabangsa dan peluasan perancangan penyelidikan dapat dirancang dengan lebih sistematik. Kesarjanaan staf akademik diperingkat antarabangsa juga diiktiraf melalui nilai *H-Index* yang dianalisa melalui sistem *Scopus* di dalam PRIME (Rujuk Bukti 3). **SuFO [MN3]** disediakan bagi mengukur kualiti di dalam aspek pengajaran dan pembelajaran dengan menganalisa maklumbalas daripada pelajar (Rujuk Bukti 4).

Pencapaian kecemerlangan staf pentadbiran telah diiktiraf dan diraikan setiap tahun bagi menghargai komitmen yang diberikan. Peluasan pengukuran pencapaian menggunakan platform HR2U dan STARSV3. **HR2U [MN4]** adalah modul untuk memantau dan menilai prestasi secara berterusan. Cerapan data yang sistematik dan komprehensif dapat memberikan maklumat untuk membuat keputusan yang tepat dan strategik dan modul ini membantu penilaian prestasi dilakukan dengan telus dan adil serta memberikan maklumat yang berguna untuk pembangunan dan peningkatan prestasi staf. **Laporan dan analisis** disediakan untuk menguruskan pelbagai aspek pengurusan sumber manusia. Cerapan data dalam sistem HR2U merujuk kepada proses pengumpulan, analisis, dan pelaporan data yang berkaitan dengan pengurusan sumber manusia. Ia berkaitan **penilaian prestasi** untuk mengenalpasti trend prestasi, kekuatan, dan kelemahan staf dan **KPI**. Data **kursus yang dihadiri, pencapaian dalam latihan, dan keperluan latihan** boleh diperolehi sebagai rekod latihan dan pembangunan staf. Dengan itu analisis keperluan latihan berdasarkan data prestasi dan perkembangan kerjaya serta laporan berkala mengenai prestasi staf mudah untuk diuruskan.

STARV3 [MN5] adalah sistem yang digunakan untuk pengurusan staf pentadbiran sebagai usaha untuk meningkatkan kualiti pengurusan sumber manusia dan memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada staf. Sistem ini diintegrasikan dengan sistem HR2U dimana data-data terkumpul dianalisis untuk perancangan dan keputusan strategik yang dapat memudahkan dan

mempercepatkan proses pengurusan pertaubiran (Rujuk Buku 5).

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_A01_AB03_20241_BUKTI_1_UiTMPs_K4_Perluasan.pdf](#)
2. [K0033_A01_AB03_20242_BUKTI_2_UiTMPs_K4_Perluasan.pdf](#)
3. [K0033_A01_AB03_20243_BUKTI_3_UiTMPs_K4_Perluasan.pdf](#)
4. [K0033_A01_AB03_20244_BUKTI_4_UiTMPs_K4_Pendekatan.pdf](#)
5. [K0033_A01_AB03_20245_BUKTI_5_UiTMPs_K4_Perluasan.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

UiTMPs berusaha memastikan pengurusan dan pembangunan staf mencapai kecemerlangan sepertimana dalam **Pelan Tindakan Strategik 2023 UiTMPs**. Sehubungan itu, pemantauan terhadap **kualiti dan prestasi staf** dilakukan secara berkala oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU), Bahagian Hal Ehwal Akademik (HEA), Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (PJIM&A) dan Bahagian Pentadbiran dengan tujuan memastikan staf **berprestasi tinggi sesuai dengan visi dan misi universiti**.

Pemantauan **Performance Indicator (PI)** oleh BTU berfokus pada tiga bidang utama iaitu pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, penerbitan, dan inovasi serta khidmat kepakaran komuniti. Data yang diperoleh dimuat naik ke sistem **google sheet Pejabat Pendaftar** dan dibentangkan dalam mesyuarat **Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN)** untuk tindakan lanjut (Rujuk Bukti 1). Selain itu, **Program Bual Bicara Pencapaian Petunjuk Prestasi** (Rujuk Bukti 1) dilaksanakan bagi memantau pencapaian setiap unit. **Laman sesawang BTU** juga diwujudkan untuk memudahkan pelaporan dan pemantauan PI (Rujuk Bukti 1).

Bagi memastikan **ketampakan dan kepakaran warga UiTMPs** dalam bidang penyelidikan, penerbitan dan inovasi, PJIM&A menggunakan **sistem PRIME** dan beberapa program seperti **'Hand Holding'** serta **Pemantauan Berkala Geran Penyelidikan** bagi memantau kemajuan (Rujuk Bukti 2). Pemantauan juga dijalankan oleh Unit Pengurusan Inovasi dan Kepakaran (UPIK) melalui **sistem MyIPO** bagi harta intelek, dan juga penganugerahan dalam **Majlis Anugerah Semarak Sanjung** bagi produk inovasi (Rujuk Bukti 2).

Pemantauan pengajaran dan pembelajaran turut dilaksanakan dengan begitu baik di UiTMPs bagi memastikan **teras pendidikan berkualiti** mencapai sasaran. Bahagian HEA telah menyediakan **Laman Sesawang INSAN** untuk memantau aktiviti berkaitan, dibantu oleh **sistem SUFO, TESA dan PROPENS** (Rujuk Bukti 3). UiTMPs juga memantau **tahap kepuasan staf** melalui **Kajian UiTM Happiness Index 5.0 (UHI5.0)** (Rujuk Bukti 4) dan mengadakan pelbagai aktiviti bagi **meningkatkan semangat staf** seperti **Semarak Raya, Semarak Korban dan Majlis Semarak Gemilang** (Rujuk Bukti 5).

Bagi tujuan **memantapkan budaya kerja dinamik dan mensinergikan peranan setiap entiti**, UiTMPs **berkongsi** hasil analisis data dan maklumat pemantauan dengan semua staf melalui pelbagai saluran seperti mesyuarat, laman web, e-mel, dan media sosial. Penyebaran maklumat ini memberi pendedahan dari semasa ke semasa kepada staf bagi membantu mereka mencapai sasaran PI yang ditetapkan. **Sinergi yang baik** dalam proses pemantauan ini telah **membantu UiTMPs mencapai sasaran PI 2023** dengan jayanya.

SENARAI BUKTI:

1. [K0033_A01_AB04_AC01_20241_BUKTI 1 UiTMPs_K4_Pemantauan.pdf](#)
2. [K0033_A01_AB04_AC01_20242_BUKTI 2 UiTMPs_K4_Pemantauan.pdf](#)
3. [K0033_A01_AB04_AC01_20243_BUKTI 3 UiTMPs_K4_Pemantauan.pdf](#)
4. [K0033_A01_AB04_AC01_20244_BUKTI 4 UiTMPs_K4_Pemantauan.pdf](#)
5. [K0033_A01_AB04_AC01_20245_BUKTI 5 UiTMPs_K4_Pemantauan.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko merupakan satu kaedah tadbir urus dan kawalan dalaman yang telah dipraktikkan dengan baik di UiTMPs. Bagi melancarkan proses mengenal pasti risiko, UiTMPs telah melantik seorang **Penyelaras Risiko** dengan dibantu oleh **AJK Pemilik Risiko** yang bertanggungjawab **memantau dan menganalisis risiko** bagi setiap pusat tanggungjawab (PTJ). Proses ini bermula dengan mengenal pasti, mendaftar, dan mengambil tindakan mitigasi untuk menangani risiko di PTJ.

Senarai risiko yang dikenalpasti telah dibentangkan dan disahkan dalam **Mesyuarat Jawatankuasa Pemilik Risiko** dan kemudian didaftarkan dalam **Sistem Pengurusan Risiko (e-RMS)** (Rujuk Bukti 1) untuk makluman Unit Pengurusan Risiko UiTM. Penyelaras dan pemilik risiko telah menjalankan tanggungjawab memantau dan melaksanakan pelan pengurusan risiko secara berkala ini mengikut **prosedur pengoperasian pengurusan risiko UiTM**. Analisis risiko secara keseluruhan dikemukakan kepada pihak Rektor UiTMPs dan semua pemilik risiko untuk tindakan lanjut.

Secara keseluruhannya isu-isu risiko yang melibatkan pengurusan dan pembangunan staf telah dikenalpasti dan dikendalikan dengan baik sepanjang tahun 2023. Diantara isu risiko yang melibatkan staf adalah **pengurusan belanjawan, pengurusan harta, kawalan rekod, pengurusan ICT, pelan penggantian staf, keperluan fasiliti dan prasarana, waran perjawatan dan jam latihan staf** (Rujuk Bukti 1).

Bahagian Pentadbiran telah membantu Unit Pengurusan Risiko dengan **memantau jam latihan staf** bagi memastikan staf memenuhi **sekurang-kurangnya 42 jam latihan setahun** (Bukti 2). Begitu juga dengan Unit Komunikasi Korporat yang telah membantu dalam mengendalikan **sistem aduan** di UiTM Cawangan Perlis. Dengan pengendalian sistem aduan yang cekap mengikut **prosedur pengendalian aduan dan maklumbalas pelanggan UiTM Perlis** (Rujuk Bukti 3), pelbagai masalah dan risiko **dapat diuruskan dan diselesaikan dengan baik**. Pada tahun 2023, UiTMPs telah berjaya menyelesaikan **31% aduan dalam tempoh 1 hari dan 69% aduan dalam tempoh 2 hingga 7 hari** (Rujuk Bukti 4).

Unit Pengurusan risiko juga dibantu oleh **Unit Audit Dalam** dimana **Jawatankuasa Audit Dalam** mengenalpasti ketidakpatuhan *standard of procedure* (SOP) dalam kalangan staf agar tidak mendatangkan kemudaratan dan risiko kepada pengurusan dan pentadbiran UiTMPs. Pemantauan Audit ini **dilaksanakan secara berkala** sepanjang tahun 2023 (Rujuk Bukti 5).

Kerjasama yang baik antara semua PTJ, Bahagian Pentadbiran, Unit Komunikasi Korporat dan Unit Audit Dalam telah menjadikan pengurusan risiko di UiTMPs **berjalan dengan lancar dan dapat dikendalikan dengan baik**.

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_A01_AB04_AC02_20241_BUKTI 1 UiTMPs_K4_Kenalpasti Risiko.pdf](#)
2. [K0033_A01_AB04_AC02_20242_BUKTI 2 UiTMPs_K4_Kenalpasti Risiko.pdf](#)
3. [K0033_A01_AB04_AC02_20243_BUKTI 3 UiTMPs_K4_Kenalpasti Risiko.pdf](#)
4. [K0033_A01_AB04_AC02_20244_BUKTI 4 UiTMPs_K4_Kenalpasti Risiko.pdf](#)
5. [K0033_A01_AB04_AC02_20245_BUKTI 5 UiTMPs_K4_Kenalpasti Risiko.pdf](#)

4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Mengkaji Semula dan Tindakan Penambahbaikan

Proses mengkaji semula dan memperbaiki aspek pembangunan serta pengurusan staf di UiTMPs adalah langkah penting untuk memastikan strategi yang digunakan sesuai dengan matlamat institusi. Kajian semula ini melibatkan penilaian terhadap program latihan, struktur pengurusan, dan keberkesanan dasar-dasar pembangunan staf. Dengan mengenal pasti kekuatan dan kelemahan, pengurusan dapat merancang tindakan penambahbaikan seperti memperkenalkan program latihan yang lebih relevan, memperkemas prosedur kerja, dan mempromosikan budaya inovasi di kalangan staf. Penambahbaikan ini bukan sahaja meningkatkan kecekapan dan kepuasan kerja, tetapi juga memastikan staf UiTMPs sentiasa berdaya saing dan selaras dengan perkembangan terbaru dalam bidang pendidikan dan pentadbiran. Proses penambahbaikan dalam bidang tumpuan penyelidikan, penerbitan, dan pengkomersialan adalah saling berkaitan dan saling mempengaruhi antara satu sama lain.

Dalam usaha untuk mengoptimalkan keberkesanan dan efisiensi, tindakan penambahbaikan harus dirancang dan dilaksanakan dengan pendekatan yang menyeluruh. Ini termasuk melibatkan strategi yang dapat menangani pelbagai risiko secara serentak. Sebagai contoh, program outreach yang disasarkan kepada pusat pengajian atau fakulti dapat berfungsi sebagai alat yang berkesan dalam mencapai matlamat penambahbaikan. Program ini tidak hanya meningkatkan kesedaran mengenai penyelidikan dan penerbitan tetapi juga boleh memfasilitasi pengkomersialan hasil penyelidikan melalui jaringan dan kerjasama yang diperluas.

1. Penyelidikan

- Memberikan tumpuan khusus kepada penyelidikan yang berorientasikan industri dan antarabangsa serta memperkukuh kepimpinan UiTMPs dalam menentukan keutamaan peruntukan dana penyelidikan.
- Mengadakan bengkel yang bertujuan untuk mengharmonikan kertas cadangan penyelidikan serta menggalakkan penglibatan RIG (Research Interest Groups) dalam proses penyediaan dan penilaian cadangan penyelidikan.
- Menetapkan KPI yang jelas bagi penyelidikan serta memberikan galakan kepada staf untuk membuat permohonan penyelidikan.
- Merancang dan melaksanakan bengkel penyediaan kertas cadangan penyelidikan secara berkala.

2. Penerbitan

- Menyenaraikan penerbit-penerbit predatory dan menyebarkan maklumat tersebut kepada pensyarah.
- Memperkenalkan sistem imbuhan atau insentif bagi pensyarah yang berjaya menerbitkan artikel dalam jurnal yang diiktiraf.
- Menubuhkan RIG (Research Interest Groups) dengan tujuan untuk memupuk minat pensyarah dalam penulisan jurnal serta merangsang kerjasama antara mereka.
- Mengadakan bengkel bagi membincangkan strategi dan kaedah pemantapan penulisan jurnal.
- Mengatur bengkel untuk menukarkan tesis kepada artikel jurnal serta memilih jurnal yang bersesuaian untuk penerbitan

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_A01_AB04_AC03_20241_Bukti 1_UiTMPs_K4_Kajisemula.pdf](#)
2. [K0033_A01_AB04_AC03_20242_BUKTI 2_UiTMPs_K4_Kajisemula.pdf](#)
3. [K0033_A01_AB04_AC03_20243_BUKTI 3_UiTMPs_K4_Kajisemula.pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Inovasi dalam pengukuran, analisis, dan pengurusan pengetahuan adalah kunci untuk memperkukuhkan pembangunan dan pengurusan staf. Dengan memanfaatkan alat dan teknologi terbaru, penilaian prestasi staf dapat dilakukan dengan lebih tepat dan berterusan, memberikan gambaran yang jelas tentang kecekapan, pencapaian, dan area yang memerlukan penambahbaikan. Analisis data yang dikumpulkan dari pengukuran ini membolehkan pengurusan membuat keputusan berasaskan bukti, seperti mengenal pasti keperluan latihan tertentu atau menilai keberkesanan program pembangunan yang ada.

Dalam pengurusan pengetahuan, inovasi ini mempermudah penyimpanan, perkongsian, dan pemindahan pengetahuan di kalangan staf. Platform digital yang efisien membolehkan akses dan penggunaan pengetahuan penting oleh staf di semua peringkat, memperkukuh kerjasama dan pembelajaran berterusan. Ini tidak hanya membekalkan staf dengan kemahiran dan pengetahuan yang tepat pada masa yang sesuai, tetapi juga memastikan organisasi terus berada di hadapan dalam menghadapi cabaran dan memanfaatkan peluang yang tersedia.

Media sosial memainkan peranan utama dalam penyebaran dan penyimpanan maklumat. UiTMPs menggunakan platform seperti Facebook rasmi, laman sesawang rasmi, dan media tempatan untuk menyampaikan perkembangan dan pencapaian kakitangan kepada warga UiTM dan pemegang taruh di luar UiTMPs. Jumlah tontonan di platform-platform ini menjadi indikator penting dalam pengukuran, analisis, dan pengurusan pengetahuan berkaitan pembangunan dan pengurusan staf, kerana ia mencerminkan tahap keterlibatan, keberkesanan komunikasi, dan capaian maklumat. Dengan menganalisis data tontonan tersebut, organisasi dapat menilai sejauh mana mesej atau program pembangunan yang disampaikan berjaya menarik perhatian dan difahami oleh staf, serta membuat penambahbaikan dalam strategi komunikasi dan latihan berdasarkan maklum balas dan keperluan yang dikenal pasti.

Dengan penganalisan data yang mendalam, beberapa risiko telah dikenalpasti dan langkah penambahbaikan berterusan serta inovasi telah dilaksanakan melalui cadangan dasar, program, dan insentif yang relevan. Akibat daripada pelaksanaan inovasi dan penambahbaikan ini, prestasi dalam tiga bidang utama—Penyelidikan, Penerbitan, dan Pengkomersialan—telah menunjukkan peningkatan yang ketara. Pelaksanaan pelbagai program telah memainkan peranan penting dalam mencapai hasil positif ini.

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_A01_AB05_20241_Bukti 1 UiTMPs_K4_Integrasi.pdf](#)
2. [K0033_A01_AB05_20242_Bukti 2 UiTMPs_K4_Integrasi.pdf](#)
3. [K0033_A01_AB05_20243_Bukti 3 UiTMPs_K4_Integrasi.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pendekatan pengurusan sumber manusia di UiTMPs menekankan elemen **Plan, Do, Check, dan Act** untuk mengoptimumkan kepakaran dan pengalaman tenaga kerja, dengan sedikit penekanan pada integrasi. Pendekatan ini mencakupi pengambilan staf, latihan, penilaian prestasi, pembangunan kerjaya, dan kebajikan pekerja, dengan setiap langkah dirancang dan dilaksanakan secara holistik untuk mencapai kecemerlangan akademik dan pentadbiran. Selain itu, penilaian risiko juga telah titikberatkan bagi mengimbangi pengurusan sumber manusia di UiTMPs. Bagi meningkatkan lagi kepelbagaian kecemerlangan staf, perancangan yang strategik telah dibuat dan dijalankan bagi mencungkil minat dan bakat dalam pelbagai bidang di UiTMPs. Setiap perancangan dibuat berdasarkan **analisa pencapaian yang lalu** dan seiring dengan matlamat utama UiTM iaitu menjadi sebuah **universiti terkemuka di dunia menjelang tahun 2025**.

UiTMPs memastikan pengurusan sumber manusia yang berkesan dengan menetapkan strategi pengambilan staf berdasarkan waran perjawatan yang diterima. Proses pengambilan dijalankan secara telus dan menekankan pemilihan calon yang memenuhi kriteria kelayakan dan kompetensi yang ditetapkan. Selain itu, perancangan untuk pembangunan kerjaya staf juga diutamakan melalui program mentoring, kaunseling kerjaya, dan peluang kenaikan pangkat.

Untuk memastikan staf sentiasa kompeten, UiTMPs menubuhkan Unit Latihan yang bertanggungjawab merancang dan melaksanakan program latihan yang relevan. Latihan ini meliputi pelbagai aspek, termasuk peningkatan kemahiran teknikal, kepimpinan, dan pembangunan profesional. Selain itu, **penilaian prestasi staf dijalankan secara objektif** untuk mengenalpasti kekuatan dan kelemahan mereka, yang menjadi asas kepada keputusan kenaikan pangkat dan insentif.

Bagi memastikan kelestarian pencapaian dalam bidang tumpuan, pihak pengurusan tertinggi UiTMPs dan pihak PJIMA telah melaksanakan beberapa inisiatif. Antaranya ialah **membudayakan penglibatan warga UiTMPs dalam bidang pengurusan, sumber manusia, penyelenggaraan, penyelidikan, dan penerbitan**. Insentif-insentif yang diperkenalkan, selain sebagai penarik minat, turut berperanan sebagai tanda penghargaan kepada warga UiTMPs. Selain itu, **majlis-majlis penghargaan khas (APC dan AKPU)** turut diadakan untuk meraikan kejayaan warga UiTMPs dalam bidang tumpuan. Warga yang terpilih turut diberi sokongan dan **pendedahan dalam proses kenaikan pangkat**.

Pemantauan tahap kepuasan hati dan aduan sumber manusia dijalankan secara berkala melalui soal selidik Indeks Kegembiraan UiTM dan Mesyuarat Pemilik Risiko. Data yang diperoleh dianalisis untuk mengenal pasti isu yang memerlukan perhatian segera. Kajian semula tindakan yang diambil berdasarkan maklum balas ini membantu memastikan persekitaran kerja yang kondusif dan sistem kerja yang efisien.

UiTMPs mengambil langkah proaktif dalam menguruskan risiko yang dikenalpasti, termasuk isu persekitaran kerja, teknologi, dan kebajikan staf. Setiap risiko didokumentasikan dengan terperinci dan tindakan mitigasi diambil bagi mengurangkan impak negatif. Selain itu, pengurusan bertindak balas terhadap maklum balas staf dengan melaksanakan penambahbaikan yang diperlukan, termasuk peningkatan sistem sokongan dan penyediaan latihan profesional.

UiTMPs juga **mengintegrasikan pelbagai aspek pengurusan sumber manusia dengan strategi sinergi** antara entiti dalaman dan kerjasama antarabangsa. Program seperti UiTMPs@Global Partners dan i-DeA 2023 memperkasakan jaringan serta kerjasama, memastikan pengurusan sumber manusia selaras dengan objektif strategik universiti.

Secara keseluruhannya, **pendekatan nonistik UIIMPS** dalam pengurusan sumber manusia telah berjaya mengoptimumkan kepakaran tenaga kerja, memperkukuhkan kedudukan universiti di peringkat tempatan dan antarabangsa, dan memastikan operasi berjalan dengan lancar.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UiTMPs telah disokong oleh seramai 665 kakitangan yang terdiri daripada 331 staf akademik dan 334 staf pentadbiran bagi tahun 2023 (**Bukti 1 dan 2**). Setiap staf **memegang** pelbagai peranan penting di Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing serta di peringkat kampus. Untuk **memperkuh** pengurusan sumber manusia, UiTMPs memberi keutamaan kepada aspek **pengambilan staf, latihan, penilaian prestasi, pembangunan kerjaya, dan kebajikan pekerja**. Pendekatan yang holistik diperlukan untuk mengoptimumkan kepakaran dan pengalaman tenaga kerja.

5.2.1 Pengambilan Staf

Langkah pertama dalam pengurusan sumber manusia ialah proses **pengambilan staf** berdasarkan **waran perjawatan** yang diterima daripada **Pejabat Pendaftar (Bukti 3)**. Untuk memastikan proses pengambilan staf dijalankan secara telus dan berkesan, dengan tumpuan kepada **pemilihan calon** yang memenuhi kriteria kelayakan dan kompetensi yang ditetapkan. Proses ini melibatkan beberapa **peringkat penilaian** termasuk temuduga dan **ujian** tertentu, bertujuan untuk mendapatkan **staf yang berkualiti tinggi** serta mampu menyumbang kepada pencapaian visi dan misi universiti. Setiap lantikan disokong oleh surat lantikan dan diselia oleh penyelia sumber manusia iaitu Timbalan Pendaftar Kampus, memastikan bahawa **staf yang baru** direkrut **memahami tanggungjawab mereka dari awal**.

5.2.2 Latihan

Untuk memastikan staf sentiasa **kompeten** dan mengikuti perkembangan terkini dalam bidang masing-masing, Bahagian Pentadbiran di UiTMPs telah menubuhkan **Unit Latihan**. Unit ini bertanggungjawab **merancang dan melaksanakan program latihan** yang relevan dan berkesan. Selain itu, unit ini juga **memantau jumlah jam latihan** yang telah dihadiri oleh setiap staf, memastikan mereka memenuhi jumlah minimum yang telah ditetapkan. Latihan bagi staf merangkumi pelbagai aspek, termasuk **pembangunan profesional, peningkatan kemahiran teknikal, dan latihan kepimpinan (Bukti 4)**. Melalui program ini, staf diberikan peluang untuk meningkatkan kemahiran mereka dan menyumbang dengan lebih efektif kepada institusi.

5.2.3 Penilaian Prestasi

Penilaian prestasi staf dilakukan secara sistematik dan objektif, menggunakan kriteria yang jelas dan terperinci. Penilaian ini bertujuan untuk mengenal **pasti kekuatan dan kelemahan staf**, serta memberikan **maklum balas yang konstruktif** untuk pembangunan kerjaya selanjutnya. **Hasil penilaian** juga digunakan sebagai asas dalam membuat **keputusan** berkaitan **kenaikan pangkat dan pemberian insentif**.

5.2.4 Pembangunan Kerjaya

UiTMPs komited dalam memastikan perkembangan kerjaya staf berlaku secara berterusan. Inisiatif seperti program mentoring, kaunseling kerjaya, dan peluang kenaikan pangkat diperkenalkan untuk **membantu staf mencapai potensi penuh** mereka. Universiti juga **menggalakkan staf** untuk **melanjutkan pengajian** dan memperoleh **kelayakan profesional** bagi meningkatkan lagi peluang kerjaya mereka (**Bukti 5**).

5.2.5 Kebajikan Pekerja

keadilan pekerja di UiTMPS diberi perhatian yang serius dengan **peaksanaan** pelbagai inisiatif untuk memastikan **kesejahteraan fizikal, mental, dan emosi staf**. Ini termasuklah penyediaan **insurans kesihatan, program kesihatan, sokongan psikologi, dan kemudahan kerja yang kondusif**. UiTMPS juga sentiasa berusaha untuk mewujudkan persekitaran kerja yang harmonis dan inklusif bagi semua staf.

Kesimpulan

Pengurusan sumber manusia yang berkesan di UiTMPS merupakan kunci kepada kejayaan institusi ini dalam mencapai kecemerlangan akademik dan pentadbiran dan perancangan yang sistematik dan inovatif, UiTMPS berjaya mengoptimumkan kepakaran dan pengalaman tenaga kerjanya. Dengan komitmen yang berterusan terhadap pembangunan staf, UiTMPS akan terus maju dan mencapai kecemerlangan dalam semua aspek operasinya.

SENARAI BUKTI:

1. [K0033_S01_SB02_20241_Bukti 1 UiTMPS_K5_Pendekatan.pdf](#)
2. [K0033_S01_SB02_20242_Bukti 2 UiTMPS_K5_Pendekatan.pdf](#)
3. [K0033_S01_SB02_20243_Bukti 3 UiTMPS_K5_Pendekatan.pdf](#)
4. [K0033_S01_SB02_20244_Bukti 4 UiTMPS_K5_Pendekatan.pdf](#)
5. [K0033_S01_SB02_20245_Bukti 5 UiTMPS_K5_Pendekatan.pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengurusan sumber manusia yang berkesan merupakan kunci kejayaan institusi pendidikan tinggi, khususnya dalam kecemerlangan pengurusan dan pembangunan staf. UiTMPs telah mengamalkan **pendekatan holistik** untuk **mengoptimumkan kepakaran** dan pengalaman tenaga kerja melalui pelbagai strategi dan inisiatif, di peringkat tempatan dan antarabangsa. Berikut adalah ringkasan pendekatan UiTMPs dalam memperluas kepakaran dan pengalaman sumber manusia.

5.3.1 Memastikan Ketampakan dan Kepakaran Warga

Warga UiTMPs telah berjaya menonjolkan kepakaran masing-masing melalui beberapa program berimpak tinggi pada tahun 2023. Antaranya adalah UiTMPs@School, UiTMPs Reach, Fiesta@UiTMPs, dan Kasih Ramadan. **Program Kasih Ramadan** melibatkan sejumlah **pensyarah** berkaliber dari **Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik (KPPIM)** dan memanfaatkan ramai penerima termasuk penghuni rumah jagaan kanak-kanak dan pelajar pusat tahfiz (**Bukti 1**).

5.3.2 Mensinergikan Peranan Setiap Entiti

Bagi meningkatkan usaha sama, UiTMPs telah melaksanakan program sinergi seperti Semarak Korban, Semarak Raya, Woodball Piala Rektor, dan Liga Kampung. Program Semarak Korban, khususnya, memberi impak besar dengan melibatkan lebih **50 sukarelawan** dari **staf akademik dan pentadbiran**. Aktiviti ini turut mempererat silaturrahim melalui gotong-royong pengagihan daging korban kepada komuniti setempat di Arau, Perlis (**Bukti 2**).

5.3.3 Memperkasakan Jaringan Serta Kerjasama Antara Universiti

UiTMPs@Global Partners adalah satu usaha yang memfokuskan kepada **program jaringan dan kerjasama antarabangsa**. Pada tahun 2023, dua pensyarah dari **Fakulti Perakaunan** dan sepuluh **pelajar Diploma Sistem Maklumat Perakaunan** telah ke **Universitas Airlangga (UNAIR), Indonesia**, untuk menghadiri **International Accounting Joint Class 2023 (Bukti 3)**. Menerusi program yang sama, tiga pensyarah dan sepuluh pelajar dari **Universitas Sumatera Utara (USU)** turut menyertai program **mobiliti pelajar** di UiTMPs.

Selain itu, The **6th International Innovation, Design and Articulation (i-IDEA 2023)** anjuran Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni juga telah dilaksanakan. Ia adalah program antarabangsa dengan 17 acara dalam tiga kategori: **Inovasi, Konferensi Antarabangsa, dan Pameran serta Pertandingan (Bukti 4)**. i-IdeA mempamerkan dan mempertandingkan inovasi serta idea dari ahli akademik dan bukan akademik, penyelidik, pelajar dari pelbagai institusi pengajian tinggi tempatan dan antarabangsa, serta sekolah menengah seluruh Malaysia. Program ini mengetengahkan inovasi penyelidikan terkini dan memantapkan kerjasama antara UiTMPs, rakan strategik dan organisasi penyelidikan.

5.3.4 Menggalakkan Penjanaan Hasil Melalui Kepakaran Bidang

UiTMPs merupakan salah satu **pengeluar utama Harumanis di Malaysia**, dengan 1,500 pokok sejak tahun 2011 di bawah jagaan **Unit Ladang**. Ini secara signifikan menyumbang kepada penjanaan **pendapatan kampus dengan jualan** di seluruh Malaysia. Pensyarah dari **Fakulti Pengurusan Perniagaan** melalui **Athanliz Innovations Sdn Bhd (AISB)**, sebuah **syarikat pemula dari UiTM** telah menghasilkan **produk Lindifera** berasaskan Harumanis Perlis. Antara produk telah **menembusi pasaran runcit AEON** adalah Yogurt Beauty Drink dan

Beauty Soap (**BUKTI 5**).

5.3.5 Memantapkan Budaya Kerja Dinamik

UiTMPs sentiasa menggalakkan budaya kerja yang dinamik dengan program **Semarak Inovasi** dan **Semarak Penyelidikan** untuk meningkatkan kualiti kerja dan perkhidmatan staf akademik dan pentadbiran. Program ini memacu **peningkatan ilmu pengetahuan dan inovasi** baru, serta meningkatkan reputasi institusi. Inisiatif ini bertujuan memacu UiTMPs ke arah kecemerlangan akademik dan profesional yang berterusan.

Kesimpulan

Secara keseluruhan, UiTMPs telah **berjaya melaksanakan pendekatan holistik** dalam **pengurusan sumber manusia** melalui pelbagai program, meningkatkan kepakaran, kerjasama, dan budaya kerja, serta memperkukuhkan kedudukan di peringkat tempatan dan antarabangsa.

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_S01_SB03_20241_Bukti 1 UiTMPs_K5_Perluasan.pdf](#)
2. [K0033_S01_SB03_20242_Bukti 2 UiTMPs_K5_Perluasan.pdf](#)
3. [K0033_S01_SB03_20243_Bukti 3 UiTMPs_K5_Perluasan.pdf](#)
4. [K0033_S01_SB03_20244_Bukti 4 UiTMPs_K5_Perluasan.pdf](#)
5. [K0033_S01_SB03_20245_Bukti 5 UiTMPs_K5_Perluasan.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pemantauan tahap kepuasan hati dan aduan sumber manusia di UiTMPs merupakan elemen kritikal dalam menjayakan bidang tumpuan pengurusan dan pembangunan staf. Melalui pendekatan sistematik, hasil pemantauan dianalisis dan penambahbaikan dilakukan secara berterusan untuk memastikan persekitaran kerja yang kondusif dan sistem kerja yang efisien.

i) Kajian Indeks Kegembiraan

Proses pemantauan dilaksanakan secara berkala melalui kaedah soal selidik kajian Indeks Kegembiraan UiTM 5.0 dengan menggunakan model PERMAI di platform Apps Warga yang terbahagi kepada 4 pusingan. Terdapat 5 domain utama yang diukur iaitu **Keterlibatan, Hubungan, Makna, Pencapaian, Infrastruktur** untuk mengenalpasti isu-isu utama yang mempengaruhi kepuasan dan prestasi staf. Data yang diperolehi daripada pemantauan ini dianalisis bagi kedua-dua bahagian di UiTMPs iaitu akademik dan pentadbiran (**Bukti 1**).

Hasil analisis ini telah digunakan untuk **merancang** dan **melaksanakan** penambahbaikan yang diperlukan. **Penambahbaikan** yang dilakukan termasuk pengubahsuaian **persekitaran kerja, peningkatan sistem sokongan, dan penyediaan latihan serta pembangunan profesional**.

ii) Aduan dan Maklum Balas Pelanggan

Sistem aduan dan maklum balas pelanggan memainkan peranan penting dalam proses pemantauan di UiTMPs. Staf didorong untuk mengemukakan aduan dan maklum balas mereka mengenai persekitaran kerja dan sistem yang ada melalui sistem e-Aduan (**Bukti 2**). Maklum balas ini dianalisis untuk mengenalpasti isu-isu yang memerlukan perhatian segera. Aduan yang diterima juga dijadikan asas untuk merancang penambahbaikan dan memastikan kebajikan staf sentiasa terpelihara.

iii) Pengurusan Risiko

Pengurusan risiko di UiTMPs dilaksanakan melalui proses yang sistematik berdasarkan carta alir pengoperasian yang jelas (**Bukti 3**). UiTMPs telah mengadakan **Mesyuarat Pemilik Risiko 2 kali** pada 2023 untuk mengenal pasti, menilai, mengawal dan menambahbaik risiko-risiko yang akan memberi impak negatif kepada warga kampus (**Bukti 4 dan 5**). Risiko yang dikenalpasti didaftarkan dalam sistem eRMS oleh Penyelaras Risiko termasuk deskripsi risiko, analisis impak dan kategori risiko. Setiap PTJ telah sedaya upaya untuk mengambil tindakan agar status dapat diselesaikan. Selain itu, pengurusan risiko juga menilai semula senarai risiko yang dibawa dari tahun sebelumnya.

Kesimpulan

Proses penilaian risiko yang teliti dan dokumentasi yang lengkap memastikan semua risiko dikenalpasti dan ditangani dengan berkesan. Kajian semula tindakan dan penggunaan maklum balas pelanggan sebagai asas penambahbaikan membuktikan komitmen UiTMPs dalam memastikan persekitaran kerja yang kondusif dan sistem kerja yang efisien untuk semua staf.

SENARAI BUKTI:

1. [K0033_S01_SB04_SC01_20241_Bukti 1_UiTMPs_K5_Pemantauan.pdf](#)
2. [K0033_S01_SB04_SC01_20242_Bukti 2_UiTMPs_K5_Pemantauan.pdf](#)
3. [K0033_S01_SB04_SC01_20243_Bukti 3_UiTMPs_K5_Pemantauan.pdf](#)
4. [K0033_S01_SB04_SC01_20244_Bukti 4_UiTMPs_K5_Pemantauan.pdf](#)
5. [K0033_S01_SB04_SC01_20245_Bukti 5_UiTMPs_K5_Pemantauan.pdf](#)

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Dalam usaha memastikan pengurusan risiko yang berkesan, UiTMPs mengamalkan pendekatan penilaian risiko secara berkala mengikut Manual Kualiti (**Bukti 1**). Antara pengurusan risiko yang dikenal pasti termasuk risiko berkaitan persekitaran kerja, teknologi, dan kebajikan staf dilakukan untuk menilai impak dan kemungkinan berlakunya risiko tersebut.

5.4.2.1 Kenal Pasti Risiko

Proses pengurusan risiko dimulakan dengan tugas AJK Pemilik Risiko yang dilantik (**Bukti 2**) untuk mengesan risiko-risiko yang mengganggu persekitaran kerja dan kebajikan staf di UiTMPs. AJK akan mengesahkan risiko yang dikesan dan membincangkan isu berkenaan dalam **Mesyuarat Pemilik Risiko pertama** bersama pemegang taruh yang terlibat.

5.4.2.2 Daftar Risiko

Risiko yang dikenalpasti kemudian didaftarkan di sistem Daftar Risiko (eRMS) oleh Penyelaras Risiko (**Bukti 3**) yang dilantik. Daftar risiko merangkumi maklumat seperti deskripsi risiko, analisis impak, potensi risiko berlaku dan pemunya risiko. Antara risiko utama berkenaan pengurusan sumber manusia yang telah didaftarkan didalam laporan eRMS (**Bukti 4**) adalah :

i) Pengurusan Belanjawan (Tahap Sederhana): Peruntukan tidak mencukupi bagi operasi mengurus. Ia juga mengakibatkan pengurangan pemberian peruntukan belanja mengurus atau sekatan dari kerajaan.

ii) Pelan Penggantian Staf (Tahap Tinggi): Kelewatan penggantian staf bagi yang bersara atau berhenti. Masalah tiada waran baharu yang dikeluarkan mengakibatkan pengurusan kewangan tidak mencapai sasaran yang ditetapkan.

iii) Tiada Peruntukan Waran Perjawatan (Tahap Sederhana): Isu ini memberikan impak negatif terhadap operasi-operasi universiti termasuk proses Pengajaran dan pembelajaran terganggu akibat isu ini.

Risiko yang didaftarkan diberikan perhatian yang tinggi kerana ia berpotensi menambah beban kerja, yang seterusnya boleh mengakibatkan penurunan kualiti kerja serta mengurangkan kepuasan staf dalam menjalankan tugas mereka. Oleh itu, risiko-risiko tersebut telah dinilai untuk merancang strategi, melantik pemunya risiko dan penambahbaikan yang diperlukan. Pemberitahuan mengenai risiko juga telah dihantar melalui emel kepada staf sebagai inisiatif tambahan (**Bukti 5**).

5.4.2.3 Dokumentasi

Penyelaras telah memastikan bahawa dokumentasi pengurusan risiko sentiasa dikemaskini dan disimpan dengan baik. Dokumentasi ini sangat penting sebagai rujukan dan untuk tindakan susulan, memastikan semua pihak yang terlibat memahami risiko yang perlu diambil.

Kesimpulan

Pengurusan risiko di UiTMPs dilaksanakan dengan teliti dan sistematik. Melalui Daftar Risiko yang komprehensif dan pelaksanaan langkah-langkah pencegahan serta penambahbaikan, UiTMPs berjaya mengurangkan impak risiko yang berpotensi menjejaskan pengurusan sumber manusia.

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_S01_SB04_SC02_20241_Bukti_1_UiTMPs_K5_Kenal Pasti Risiko.pdf](#)
2. [K0033_S01_SB04_SC02_20242_Bukti_2_UiTMPs_K5_Kenal Pasti Risiko.pdf](#)
3. [K0033_S01_SB04_SC02_20243_Bukti_3_UiTMPs_K5_Kenal Pasti Risiko.pdf](#)
4. [K0033_S01_SB04_SC02_20244_Bukti_4_UiTMPs_K5_Kenal Pasti Risiko.pdf](#)
5. [K0033_S01_SB04_SC02_20245_Bukti_5_UiTMPs_K5_Kenal Pasti Risiko.pdf](#)

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Bagi memastikan persekitaran dan sistem kerja yang kondusif di UiTMPs, pengurusan telah mengambil langkah-langkah proaktif. Tindakan ini bertujuan untuk meningkatkan kepuasan kerja staf dan memastikan operasi institusi berjalan dengan lancar dan efisien.

5.4.3.1 Kajian Semula Tindakan

Setiap tindakan penambahbaikan yang dilaksanakan telah dikaji semula secara berkala untuk menilai keberkesanannya. Kajian semula ini melibatkan analisis maklum balas daripada staf dan penilaian prestasi berdasarkan indikator yang ditetapkan (**Bukti 1**).

5.4.3.2 Pengumpulan dan Penganalisan Data

Data dikumpul daripada pelbagai sumber, termasuk soal selidik kepuasan staf, dan laporan aduan eRMS dan e-Aduan (**Bukti 2**). Data ini kemudian dianalisis secara komprehensif bagi membantu dalam memahami keperluan dan harapan staf, serta mengenal pasti bidang-bidang yang memerlukan penambahbaikan.

5.4.3.3 Tindakan Berasaskan Hasil Penganalisan

Berdasarkan hasil penganalisan berdasarkan penilaian risiko yang telah dikenalpasti, pengurusan UiTMPs telah mengambil tindakan yang efisien dan efektif untuk menambahbaik persekitaran kerja. Beberapa kawalan telah dilaksanakan (**Bukti 3**) termasuk:

- i) **Perbelanjaan berhemah dan kawalan peruntukan:** Penambahbaikan termasuklah perbelanjaan mengikut keutamaan, penjimatan kos operasi selain mendapatkan peruntukan tambahan dari KPT serta membuat kawalan peruntukan PTJ dari masa ke semasa (**Bukti 4**).
- ii) **Lantikan baharu secara kontrak:** Staf yang mempunyai pelbagai kemahiran juga diwujudkan dengan tidak langsung dapat meningkatkan kaedah-kaedah pengurusan kewangan berasaskan teknologi (**Bukti 5**).
- iii) **Perbincangan dengan Pejabat Pendaftar berkenaan pengisian waran sedia ada:** Selain daripada pelantikan PTFT bagi menampung keperluan pensyarah, sesi khas antara fakulti di cawangan dengan Dekan Fakulti di Shah Alam bagi mengambil kira keperluan pensyarah.

5.4.3.4 Perkongsian Hasil Tindakan kepada Warga Jabatan

Setelah tindakan penambahbaikan dilaksanakan, hasilnya dikongsi kepada semua warga jabatan untuk memastikan kesedaran dan keterlibatan mereka dalam proses penambahbaikan berterusan. Pelbagai medium komunikasi digunakan seperti mesyuarat kakitangan, buletin email, dan kumpulan WhatsApp rasmi untuk berkongsi mengenai tindakan yang telah diambil, perubahan yang dibuat, dan hasil yang diharapkan daripada penambahbaikan tersebut.

Kesimpulan

Melalui pemantauan yang sistematik, analisis hasil pemantauan, dan penambahbaikan berterusan, UiTMPs berjaya meningkatkan tahap kepuasan hati staf dan mengurangkan aduan berkaitan persekitaran dan sistem kerja. Dengan pendekatan ini, UiTMPs berjaya meningkatkan kepuasan dan prestasi staf, serta mencapai kecemerlangan dalam pengurusan dan pembangunan staf.

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_S01_SB04_SC03_20241_Bukti_1_UiTMPs_K5_Mengkaji_Semula.pdf](#)
2. [K0033_S01_SB04_SC03_20242_Bukti_2_UiTMPs_K5_Mengkaji_Semula.pdf](#)
3. [K0033_S01_SB04_SC03_20243_Bukti_3_UiTMPs_K5_Mengkaji_Semula.pdf](#)
4. [K0033_S01_SB04_SC03_20244_Bukti_4_UiTMPs_K5_Mengkaji_Semula.pdf](#)

5. [K0033_S01_SB04_SC03_20245_Bukti 5_UiTMPs_K5_Mengkaji Semula.pdf](#)

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pengurusan UiTMPs telah berjaya melaksanakan pelbagai tindakan penambahbaikan yang bukan sahaja meningkatkan persekitaran kerja dan sistem kerja tetapi juga menghasilkan inovasi yang signifikan. Inovasi ini adalah hasil daripada pendekatan sistematik dalam pengurusan sumber manusia yang mengintegrasikan maklum balas dan tindakan penambahbaikan dengan berkesan. Langkah-langkah penambahbaikan yang dilaksanakan oleh UiTMPs telah menghasilkan beberapa inovasi penting termasuk:

i) **Strategizing towards GRU2025**

Unit Perancangan Strategik UiTMPs telah melaksanakan **Bengkel Perancangan Strategik** dengan tema '**Strategizing towards GRU2025**' (**Bukti 1**). Bengkel ini telah berjaya merancang projek-projek untuk mencapai hala tuju kampus ke arah GRU2025 dan memenuhi semua KPI yang telah ditetapkan oleh pihak universiti. Oleh itu, **Pelan Tindakan Strategik UiTMPs** berjaya dihasilkan (**Bukti 2**). Antara **projek yang berjaya** dilaksanakan adalah Projek Khas Rektor (**UiTM Perlis@Global Partners**), Pendidikan Berkualiti (**menaiktaraf makmal komputer Multimedia**), Penyelidikan & Penerbitan Berimpak (**Writing Series**), Graduan Seimbang & Keusahawanan, serta Kecemerlangan Bakat & Kelestarian Kampus (**Program Korban Perdana 2.0**).

ii) **Blueprint 10 Tahun Pembangunan Kampus UiTMPs**

Hasil dari penilaian risiko, "**Blueprint 10 Tahun Pembangunan Kampus UiTMPs (2024-2034)**" telah mula digubal dengan menumpukan kepada **pemerkasaan pembangunan utama** dalam **fasa jangka pendek** (kurang dari 3 tahun), **sedehana** (0-5 tahun), dan **panjang** (0-8 tahun). Rancangan ini termasuk menaik taraf infrastruktur usang, memperbaiki kemudahan akademik dan kediaman, serta memastikan kemampunan kampus. Ia juga mengetengahkan projek seperti penambahbaikan kemudahan sukan, naiktaraf makmal, dan **penubuhan Dana Rizab Penyelenggaraan**. Blueprint ini bertujuan untuk mewujudkan persekitaran kampus yang kondusif, mengimbangkan pendidikan berkualiti dengan kemajuan infrastruktur untuk menyokong pertumbuhan masa depan (**Bukti 3**).

Penghargaan dan Pengiktirafan

Pengurusan UiTMPs memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada staf yang menunjukkan prestasi cemerlang dan menyumbang kepada inovasi melalui pelbagai cara:

i) **Anugerah Perkhidmatan Cemerlang**

Anugerah tahunan yang mengiktiraf pencapaian staf dalam pelbagai kategori seperti kepimpinan, inovasi, dan sumbangan kepada komuniti (**Bukti 4**).

ii) **Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti (AKPU 2023)**

Atas usaha keras warga UiTMPs, beberapa anugerah juga telah diperolehi melalui Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti (AKPU 2023). Antara anugerah yang diterima ada tempat pertama untuk Anugerah Transformasi Kecemerlangan Ketampakan, Anugerah Transformasi Kecemerlangan Penjanaan Pendapatan dan Sijil Penghargaan bagi Pencapaian Kecemerlangan Prestasi (Kampus) (**Bukti 5**).

iii) **Hebahan Melalui Media Sosial**

Pencapaian dan sumbangan staf dihebahkan melalui buletin kampus, akhbar, laman web

rasmi, akhbar dan media sosial UiTMPs untuk menggalakkan semangat kerja dan motivasi (**Bukti 4**).

Kesimpulan

Inovasi yang dihasilkan daripada tindakan penambahbaikan yang dilaksanakan oleh UiTM Cawangan Perlis menunjukkan keberkesanan pendekatan pengurusan sumber manusia yang berteraskan kepada maklum balas dan penambahbaikan berterusan. Melalui amalan dan pembudayaan di peringkat luar UiTM, serta blueprint inovasi yang komprehensif, UiTMPs berjaya meningkatkan kecekapan dan keberkesanan operasi. Pengiktirafan dan penghargaan yang diberikan kepada staf bagi memastikan motivasi dan komitmen mereka dalam menjayakan bidang tumpuan pengurusan dan pembangunan staf.

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_S01_SB05_20241_Bukti 1 UiTMPs_K5_Integrasi.pdf](#)
2. [K0033_S01_SB05_20242_Bukti 2 UiTMPs_K5_Integrasi.pdf](#)
3. [K0033_S01_SB05_20243_Bukti 3 UiTMPs_K5_Integrasi.pdf](#)
4. [K0033_S01_SB05_20244_Bukti 4 UiTMPs_K5_Integrasi.pdf](#)
5. [K0033_S01_SB05_20245_Bukti 5 UiTMPs_K5_Integrasi.pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTMPs mempunyai warga kerja yang berwibawa dan mempunyai komitmen yang tinggi di dalam menyumbang tenaga dan idea untuk kecemerlangan universiti segala keseluruhan. Oleh itu pihak Pengurusan UiTMPs telah memastikan kebajikan dan pembangunan staf berada dalam keadaan yang terbaik untuk memastikan setiap bakat sentiasa bersedia untuk digilap dan berdaya-saing. UiTMPs telah berjaya mengenalpasti 3 operasi utama untuk mengembangkan bakat para staf dimana ianya telah memberi kesan dan impak positif kepada bukan sahaja universiti malah kepada masyarakat setempat, industri, negara dan luar negara.

Tiga operasi utama yang telah dijalankan oleh UiTMPs dalam membangun staf yang dinamik dan mampan adalah; (1) operasi membudayakan kemahiran dan semangat kerja berpasukan (2) operasi mempamerkan ketampakan kampus dalam komuniti, dan (3) operasi memupuk usaha penjimatan kos dan penjanaan pendapatan.

Perancangan yang mantap dan jelas untuk setiap operasi yang dibangunkan telah dijalankan bagi memastikan setiap operasi mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Bagi operasi membudayakan kemahiran dan semangat kerja berpasukan perancangan yang dijalankan adalah dengan mewujudkan pelbagai program yang menyuburkan semangat silaturrahim dan berpasukan. Kemahiran para pensyarah di dalam penerbitan dan penyelidikan juga telah dipertingkatkan dengan pemberian pelbagai insentif berbentuk wang tunai dan insentif dana penyelidikan. Seterusnya, untuk operasi mempamerkan ketampakan kampus dalam komuniti projek bersama masyarakat berdasarkan geran industri dan geran dana komuniti setempat telah disempurnakan oleh para staf yang berdedikasi. Di dalam menyahut seruan universiti ke arah pengurangan kos operasi, iaitu operasi memupuk usaha penjimatan kos dan penjanaan pendapatan, para staf telah digalakkan untuk mengguna kebijaksanaan untuk menjalankan program dengan kos yang paling minimum. Juga, dengan adanya skil dan bakat-bakat tertentu di kalangan staf, beberapa program telah dirancang dengan menggunakan aset sedia ada di kampus. Hasil ladang UiTMPs juga telah dikenal pasti dapat menjana pendapatan untuk UiTMPs.

Pelaksanaan untuk perencanaan operasi membudayakan kemahiran dan semangat kerja berpasukan adalah dengan menjalankan program-program yang berteraskan sambutan perayaan umat Islam seperti penyembelihan daging korban dan sambutan hari raya peringkat kampus, juga yang berkaitan sambutan hari kemerdekaan, permainan tradisi dan Woodball. Untuk penampakan universiti di peringkat tempatan dan antarabangsa, **Pertandingan Jejak Puisi Perlis** yang dijana geran industri telah diadakan dan juga, projek **Penanaman Lada bersama KRRT Taman Bukit Kayangan Perlis** yang menggunakan dana geran komuniti 1i setempat. Pelaksanaan yang telah diadakan ke arah pengurangan kos adalah dengan menjalankan program Lestari Ilham. Selain dari itu, UiTMPs telah berjaya menjana pendapatan melalui projek produk hiliran bersumberkan buah harum manis yang dikembangkanpesatkan oleh **Syarikat Pemula UiTMPs, Athanlis Innovation Sdn Bhd.**

Pemantauan bagi setiap program yang diadakan dilakukan dengan perjumpaan secara atas talian dan bersemuka di dalam mesyuarat ataupun perbincangan secara tidak formal. Setiap warga yang dipertanggungjawabkan menjalankan tugas telah berjaya memastikan setiap tugas disiapkan pada masanya. Pihak PJIMA menjalankan peranan yang penting di dalam memastikan semua permohonan dan perjalanan geran berjalan lancar seperti menyediakan **Sistem i-Grant2u** dan menggalakkan penglibatan staf di dalam penulisan artikel melalui **Program Handholding**. Proses pemantauan penghasilan produk berasaskan buah harum manis dilakukan dengan menyediakan laporan berkala penghasilan produk.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Proses-proses utama yang bertujuan memastikan sumber tenaga kerja dapat digunakan secara optimum adalah (1) operasi membudayakan kemahiran dan semangat kerja berpasukan, (2) operasi mempamerkan ketampakan kampus dalam komuniti dan (3) operasi memupuk usaha penjimatan kos dan penjanaaan pendapatan seperti Rajah 6.2 (a). Sehubungan dengan itu, perkhidmatan yang efektif dapat dikecapi bukan sahaja oleh warga UiTMPs, malah dapat dirasai juga oleh komuniti di sekitarnya serta pihak yang berurusan dengan UiTMPs.

1. Operasi Meningkatkan Kemahiran Staf dan Semangat Kerja Berpasukan

Bagi tujuan merapatkan silaturahim antara warga UiTMPs, beberapa program telah terus dikekalkan yang mana kebanyakannya dianjurkan oleh Unit Korporat dengan kerjasama fakulti lain seperti Semarak Korban@UiTMPs, Semarak Raya, Sambutan Bulan Kebangsaan UiTMPs, Woodball Piala Rektor dan Liga Kampung UiTMPs. Hasil dari semangat kerjasama antara staf, kebanyakan projek dapat dijalankan dengan jayanya secara gabungan antara fakulti atau unit di samping melibatkan para pelajar UiTMPs (Rujuk Bukti 1).

Bagi meningkatkan kemahiran staf akademik dalam menggalakkan penerbitan dan penyelidikan, UiTMPs melalui PJIMA telah memperkenalkan insentif bantuan tunai kepada penulis artikel berdasarkan jenis terbitan. Antaranya, RM200 atau RM300 kepada artikel dalam jurnal berimpak tinggi dan RM100 kepada artikel dalam journal berindeks dan insentif Dana Penyelidikan Antarabangsa / Industri (MyINCENTIVE) (Rujuk Bukti 2).

2. Operasi Memperkembangkan Kemahiran Staf ke Arah Ketampakan Kampus dalam Komuniti.

Berlandaskan kepakaran para pensyarah melalui perolehan geran luar seperti Geran Industri. UiTMPs berjaya menganjurkan Pertandingan Jejak Puisi Perlis. Program ini telah memberi peluang kepada masyarakat untuk meraikan kepelbagaian budaya, warisan dan kearifan tempatan yang dimiliki oleh penduduk tempatan di Perlis. Antara jabatan yang turut sama terlibat adalah Muzium Kota Kayang, Jabatan Perhutanan Perlis dan sebagainya, Seramai 97 orang peserta terlibat, yang mana empat orang daripadanya merupakan peserta dari luar Negara (Rujuk Bukti 3).

UiTMPs juga mengeluarkan geran tersendiri iaitu Geran Dana Komuniti Setempat bagi menggalakkan usaha penglibatan pihak UiTM dengan komuniti setempat. Sebanyak 8 orang pensyarah telah menerima geran tersebut. Salah satunya telah berjaya merealisasikan projek Penanaman Cili bersama KRRT Taman Bukit Kayangan Perlis. Usaha daripada penerima geran telah membantu pihak KRRT merangkul tempat ke tiga Anugerah Projek Inovasi Rukun Tetangga Terbaik.

3. Operasi Memupuk Peranan Staf dalam Usaha Pengurangan Kos dan Penjanaaan Pendapatan

Selain daripada usaha penjanaaan pendapatan melalui aset yang sedia ada di kampus Arau seperti sewaan padang, dan hasil ladang, kemahiran para staf di luar skop pekerjaan asasi mampu menyumbang kepada usaha mengurangkan kos operasi dengan mengurangkan kebergantungan kepada pihak luar bagi menjayakan sesuatu program. Melalui aktiviti dan projek tertentu seperti Program Lestari Ilham yang dijalankan hasil dari penubuhan Kokurikulum Khidmat Masyarakat UiTM Cawangan Perlis, ianya bukan hanya dapat mengurangkan kos, malah mampu menyerlahkan ketampakan suasana kampus di mata warga kampus dan para pengunjung kampus.

Unjuran daripada kejayaan pensyarah UiTMPs, menubuhkan Syarikat Pemula (Start-Up), Athanlis Innovation Sdn Bhd pada tahun iaitu 2022, pelbagai aktiviti memperluaskan pemasaran produk syarikat telah dijalankan sepanjang 2023 di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Sehingga kini pelbagai produk hiliran harumanis telah dipasarkan sama ada berupa produk kosmetik/Kesihatan dan Kecantikan (LINDEFERA) maupun berupa produk

makanan dan minuman (MAFERA) (Rujuk Bukti 4).

SENARAI BUKTI:

1. [K0033_O01_OB02_20241_Rajah 6.2 \(a\) Proses Utama Operasi.pdf](#)
2. [K0033_O01_OB02_20242_Bukti 1_UiTMPs K6_Pendekatan \(1\).pdf](#)
3. [K0033_O01_OB02_20243_Bukti 2_UiTMPs K6_Pendekatan.pdf](#)
4. [K0033_O01_OB02_20244_Bukti 3_UiTMPs K6_Pendekatan.pdf](#)
5. [K0033_O01_OB02_20245_Bukti 4_UiTMPs K6_Pendekatan.pdf](#)

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

UiTMPs sentiasa memberikan galakan dalam usaha strategik dalam pembangunan staf yang cemerlang berdasarkan model PDCA. Tujuan utama adalah memastikan proses peningkatan kemahiran staf dan semangat kerjasama berpasukan berjaya dilaksanakan. Proses ini penting bagi memudahkan proses Ketampakan Kampus dalam komuniti dan proses Pengurangan Kos Penjanaian Pendapatan dapat direalisasikan dengan cemerlang.

1. Operasi Meningkatkan Kemahiran Staf dan Semangat Kerja Berpasukan

PLAN:

Perancangan kertas kerja daripada setiap unit memohon kelulusan Pengurusan UiTMPs untuk program masing-masing bagi tujuan meningkatkan kompetensi warga UiTMPs dibincangkan pada bulan Jan 2023.

Setiap program yang telah diluluskan diletakkan dalam kalender aktiviti UiTMPs.

DO:

Bagi usaha menggalakkan penerbitan dan penyelidikan, UiTMPs telah menawarkan dana insentif dalaman seperti MyIncentive dan Dana Komuniti Setempat (DKS) (Rujuk Bukti 1). Beberapa siri taklimat dan kursus telah dirancang.

CHECK:

Bagi projek penyelidikan, Jawatankuasa Penyelidikan Negeri (JPN) telah membuat pemantauan setiap projek yang dijalankan. Pelaporan penyelidikan keseluruhannya telah dibentangkan pada bulan Januari, Mac dan Oktober 2023. Proses pemantauan yang sama juga dilaksanakan bagi unit-unit yang lain.

ACT:

Tindakan penganalisan dan postmortem pelaksanaan setiap projek yang telah dijalankan dibuat bagi tujuan penambahbaikan di masa akan datang.

2. Operasi Memperkembangkan Kemahiran Staf ke Arah Ketampakan Kampus dalam Komuniti.

PLAN:

UiTMPs telah merencanakan usaha meningkatkan ketampakan Kampus dengan menawarkan Geran Dana Komuniti Setempat di samping geran luar yang lain

DO:

Melalui dana yang diperolehi kumpulan RIG UiTMPs mampu menjalankan proses pemindahan ilmu seperti gabungan dua kumpulan RIG dari fakulti yang berlainan iaitu RIG Hebat dan RIG SAFI (Rujuk Bukti 2).

CHECK:

Bagi projek yang dijalankan melalui geran, pemantauan projek telah dijalankan dari semasa ke semasa. Laporan dibuat melalui sistem.

ACT:

UiTMPs akan membuat penganalisan dan mengenalpasti pendekatan yang sesuai agar projek sebegini mampu diserapkan dalam komuniti termasuk mengambilkira penambahbaikan prosedur.

3. Operasi memupuk Peranan Staf dalam Usaha Pengurangan KOS dan Penjanaan Pendapatan

PLAN 1:

Perancangan telah dijalankan dalam mempelbagaikan kemahiran staf melalui projek seperti projek SULAM@UiTM untuk tujuan ketampakan kampus di samping mengurangkan kos perkhidmatan.

DO 1:

Melalui projek Lestari Ilham, anjuran unit Kokurikulum Khidmat Komuniti berjaya mengurangkan kos mengindahkan kawasan sekitar Tasik Ilham tanpa bantuan kontraktor luar (Rujuk Bukti 3).

CHECK 1:

Bagi Projek di bawah SULAM@UiTM termasuk dari Unit Kokurikulum, pemantauan program sentiasa dibuat oleh staf yang terlibat.

ACT 1:

Pengurusan UiTMPs akan sentiasa berhubung dengan pihak yang terlibat bagi memastikan projek ini dapat dikembangkan

PLAN 2:

UiTMPs telah memberi galakan terhadap kemahiran staf dalam penyelidikan dan keusahawanan untuk mempelbagaian produk hiliran dan pengembangan pemasaran produk di peringkat kebangsaan dan antarabangsa melalui hasil ladang dan produk keluaran syarikat pemula.

DO 2:

Bagi tujuan kepelbagaian produk dan pengembangan pemasaran, beberapa usaha perundingan, perbincangan berterusan dan MOU telah dijalankan di setiap peringkat sama ada peringkat universiti, negeri, kebangsaan dan antarabangsa

CHECK 2:

Antara pemantauan terhadap kualiti produk yang dihasilkan adalah penyertaan dalam sesuatu pertandingan kualiti. Dengan itu, maklumbalas balas dari pihak juri dan juga pengunjung terhadap sesuatu produk dapat diperolehi.

Pemantauan juga dibuat melalui pelaporan kepada pihak BITCOM.

ACT 2:

UiTMPs sentiasa bekerja rapat dengan pihak BITCOM bagi memastikan kerjasama berterusan antara penyelidik dan BITCOM.

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_O01_OB03_20241_Bukti 1_UiTMPs_K6_Perluasan.pdf](#)
2. [K0033_O01_OB03_20242_Bukti 2_UiTMPs_K6_Perluasan.pdf](#)
3. [K0033_O01_OB03_20243_Bukti 3_UiTMPs_K6_Perluasan.pdf](#)
- 4.
- 5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Dalam setiap operasi yang dijalankan, hasil jangkaan telah dikenalpasti bagi menjamin kelestarian pencapaian setiap operasi.

1. Operasi Meningkatkan Kemahiran Staf dan Semangat Kerja Berpasukan

Bagi memastikan setiap program sentiasa mendapat sokongan dari semua pihak warga UiTMPs, kedatangan para warga kampus telah diambil. Ketua bagi setiap Fakulti dan Unit telah memastikan setiap staf terlibat dalam program yang dibuat. Melalui penyertaan ke semua warga UiTMPs dalam program bersempena dengan peristiwa tertentu seperti Semarak Merdeka dan Program Meriah Raya@UiTMPs, warga UiTMPs dapat saling mengenali antara satu sama lain. Program ini mampu mencetus kerjasama antara fakulti dan antara unit. Melalui gabungan dua RIG yang datang dari fakulti yang berbeza seperti RIG SAFI dari KPPIM dan RIG Hebat dari FPP, proses pemindahan ilmu kepada komuni setempat dapat dijalankan melibatkan penyertaan pada skala yang besar.

Melalui **Program Handholding** yang dianjurkan oleh Unit Penerbitan, jumlah penerbitan di kalangan staf akademik telah dapat dipertingkatkan sehingga membantu UiTMPs menjadi “Top 1 Corresponding Author” (Rujuk Bukti 1).

2. Operasi Memperkembangkan Kemahiran Staf ke Arah Ketampakan Kampus dalam Komuniti.

Projek Penanaman Cili bersama KRRT Taman Bukit Kayangan Perlis tercetus melalui pembiayaan dari beberapa geran seperti Geran Dana Komuniti Setempat dan juga Geran FRGS. Oleh itu setiap perkembangan projek yang terlibat perlu dilaporkan secara berkala di dalam sistem geran yang berkenaan. Keberkesanan projek juga telah dipantau secara tidak langsung oleh pihak juri apabila projek tersebut mengambil bahagian **dalam Pertandingan Projek Inovasi Tetangga Terbaik - Anugerah Rukun Tetangga Tahun 2023**. Hasilnya, projek ini memenangi tempat ke tiga di peringkat Kebangsaan (Rujuk Bukti 2).

3. Operasi Memupuk Peranan Staf dalam Usaha Pengurangan Kos dan Penjanaan Pendapatan

Bagi projek SULAM@UiTM seperti projek dalam kokurikulum, permasalahan berkaitan kewangan untuk menampung projek merupakan satu permasalahan yang utama. Untuk mengatasi masalah ini, kewangan projek telah dikumpulkan melalui pelbagai sumber seperti tabung kokurikulum dan sumbangan dari pihak luar melalui kutipan dana. Walau apa pun permasalahan yang dihadapi dalam menjayakan projek, ianya mampu melatih para pelajar mengembeling idea dan tenaga untuk memastikan keceriaan kawasan Tasik Ilham menjadi kenyataan melalui bimbingan staf UiTMPs.

SENARAI BUKTI:

1. [K0033_O01_OB04_OC01_20241_Bukti_1_UiTMPs_K6_Pembelajaran_Pemantauan.pdf](#)
2. [K0033_O01_OB04_OC01_20242_Bukti_2_UiTMPs_K6_Pembelajaran_Pemantauan.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko merupakan salah satu aspek yang penting yang perlu diberi perhatian demi memastikan semua masalah dapat diatasi dengan sistematik. Beberapa risiko telah dikenalpasti sama ada melalui pihak pengurusan risiko atau pun berdasarkan pengalaman dalam proses pelaksanaan projek.

1. Operasi Meningkatkan Kemahiran Staf dan Semangat Kerja Berpasukan

Beberapa risiko yang telah dikenal pasti dalam usaha meningkatkan kemahiran staf akademik. Bagi meningkatkan penerbitan, risiko yang dihadapi adalah dalam usaha membuat pemantauan jumlah penerbitan dari semasa ke semasa mengikut unjuran yang dikehendaki. Selalunya bilangan yang diperolehi tidak menggambarkan bilangan sebenar secara keseluruhan (Bukti 1).

Risiko dalam usaha meningkatkan bilangan penerimaan geran adalah maklumat kewujudan sesuatu tidak mencukupi. Apabila sesuatu geran berjaya diperolehi, berlaku pula ketidakpastian dan kesilapan pengurusan dokumen seperti tuntutan dan perolehan.

2. Operasi Memperkembangkan Kemahiran Staf ke Arah Ketampakan Kampus dalam Komuniti.

Antara risiko yang dihadapi dalam Projek Penanaman Cili bersama KRRT setempat, kebanyakan pokok-pokok yang ditanam di tempat yang disediakan kurang subur dan gagal menghasilkan buah sebagaimana yang dijangkakan. Antara puncanya ialah kerjasama dari pihak komuniti yang tidak konsisten. Pihak komuniti juga tidak cakna berkenaan wujudnya paten bagi teknik penanaman yang diperkenalkan. Ini menyebabkan kaedah ini disalahgunakan untuk kepentingan pihak lain.

3. Operasi Memupuk Peranan Staf dalam Usaha Pengurangan Kos dan Penjanaan Pendapatan

Bagi projek yang melibatkan penglibatan pelajar seperti program kokurikulum dan Sulam, ada kalanya projek terpaksa dibuat di luar waktu yang dijadualkan bagi memastikan kehadiran pelajar dan projek dapat ditamatkan pada waktunya. Oleh itu, kehadiran staf pembimbing amat diperlukan bagi memastikan keselamatan pelajar sepanjang projek dijalankan dapat diambil perhatian (Bukti 2).

Bagi usaha pengeluaran produk berasaskan harumanis, risiko yang ketara adalah kesediaan bahan mentah itu sendiri. Ini disebabkan harumanis adalah buah yang bermusim. Bagi produk yang baru diperkenalkan, kesungguhan daya usaha yang amat diperlukan untuk mempromosi produk. Antara usaha promosi bagi memperkenalkan produk, adalah melalui penyertaan dalam setiap ekspo perdagangan yang berkaitan di segenap peringkat seperti Expo i-Biz Sport di UiTM Shah Alam (Peringkat Universiti), Festival Harumanis di Kangar (Peringkat negeri), Expo Harumanis Kebangsaan di Selayang (Peringkat Kebangsaan) dan China-ASEAN Expo di China (Peringkat Antarabangsa) (Bukti 3)

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_O01_OB04_OC02_20241_Bukti 1 UiTMPs K6 Pembelajaran Risiko.pdf](#)
2. [K0033_O01_OB04_OC02_20242_Bukti 2 UiTMPs K6 Pembelajaran Risiko.pdf](#)
3. [K0033_O01_OB04_OC02_20243_Bukti 3 UiTMPs K6 Pembelajaran Risiko.pdf](#)
- 4.
- 5.

6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Bagi setiap operasi yang dijalankan, beberapa usaha penganalisan telah dijalankan. Lanjutan daripada itu tindakan penambahbaikan telah dikenal pasti.

1. Operasi Meningkatkan Kemahiran Staf dan Semangat Kerja Berpasukan

Bagi menangani permasalahan yang timbul dalam pengurusan geran, Satu sistem i-Grant2u telah diperkenalkan (Pautan: <https://tinyurl.com/igrantuitm>) (Bukti 1) . Sistem ini menggunakan Google Sheet Platform. Antara kandungan yang terdapat dalam i-Grant2u adalah, senarai dan contoh tuntutan pelbagai permohonan. Petunjuk prestasi (PI) dan maklumat taklimat geran. Di samping memudahkan urusan para staf UiTMPs mendapatkan geran dan urusan lain setelah geran diperolehi, ia juga mampu mengurangkan 44% beban staf. Selain itu, ia amat sesuai di praktikkan oleh cawangan UiTM yang lain.

2. Operasi Memperkembangkan Kemahiran Staf ke Arah Ketampakan Kampus dalam Komuniti.

Dalam aktiviti yang melibatkan pihak komuniti terutama sekali projek jangka panjang, maklumat yang menyeluruh dan terperinci dalam menjalankan sesuatu projek perlu difahami oleh semua pihak sebelum ianya dijalankan. Bagi aktiviti komuniti yang melibatkan paten, staf UiTMPs yang mempunyai produk yang dipatenkan perlu memastikan setiap pihak yang terlibat menyedari akan akta paten. Pihak komuniti juga perlu diberi penerangan berkenaan paten dan tindakan yang bakal diambil sekiranya kaedah tersebut digunapakai sebelum merujuk kepada pihak yang memegang paten tersebut.

3. Operasi Memupuk Peranan Staf dalam Usaha Pengurangan Kos dan Penjanaan Pendapatan

Bagi memastikan pengeluaran produk berasaskan harumanis dapat dijalankan tanpa sebarang gangguan, syarikat AI telah menggunakan ekstrak harumanis dalam bentuk serbuk dan juga gel. Melalui usaha promosi yang berterusan dan penjualan produk melalui pasaran secara digital melalui agrobazaar FAMA dan secara fizikal di one-stop center di Bukit Temiang, Perlis, produk kosmetik LINDIFERA telah menjadi antara produk yang dicari-cari di kalangan pengguna yang pernah mencuba produk ini, terutamanya pengguna dari negeri Perlis. Usaha seterusnya adalah memperkembangkan lagi penggunaan produk ini di negeri lain seluruh Malaysia. Usaha ini telah menjadi kenyataan dengan terjualnya produk tersebut di rangkaian Supermarket AEON (Rujuk Bukti 2).

Segala tindakan dan usaha yang telah dijalankan oleh syarikat ini, dapat menjadi pendorong bagi pihak pengurusan Ladang UiTMPs dan Fakulti Agroteknologi UiTMPs mempergiatkan pemasaran hasil ladang seperti penjualan buah-buahan (harumanis, nangka dan jambu) dan daging rusa serta produk hiliran seperti jus dan kordial Harumanis.

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_O01_OB04_OC03_20241_Bukti 1_UiTMPs_K6_Pembelajaran_Mengkaji Semula \(1\).pdf](#)
2. [K0033_O01_OB04_OC03_20242_Bukti 2_UiTMPs_K6_Pembelajaran_Mengkaji Semula.pdf](#)
- 3.

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

UiTMPs sentiasa memastikan setiap projek yang terlibat dapat diperluaskan dari semasa ke semasa.

1. Operasi Meningkatkan Kemahiran Staf dan Semangat Kerja Berpasukan

Melalui semangat kerjasama di kalangan staf akademik, UiTMPs telah berjaya mendapat anugerah ‘The Highest Number of Correspondence Author’ Selain daripada pengurniaan anugerah sempena Hari Inovasi dan Majlis Penghargaan Staf, UiTMPs juga mengambil inisiatif tersendiri dengan mengadakan **Majlis Semarak Sanjung bagi mengiktiraf staf akademik yang cemerlang** dalam bidang penyelidikan dan penerbitan. Sementara itu **Semarak Gemilang diadakan bagi mengiktiraf staf bukan akademik yang cemerlang** menjalankan tugas masing-masing (Rujuk Bukti 1). Selain itu, pihak pengurusan UiTMPs juga telah mengenal pasti kemahiran staf di luar bidang kerja sebagaimana yang telah diwar-warkan dalam Amanat Rektor 2023. Dengan kemahiran yang ada, UiTMPs mampu mendapat manfaat mengurangkan kebergantungan dengan pihak luar dalam menjalankan sesuatu majlis dan seterusnya mengurangkan kos operasi.

2. Operasi Memperkembangkan Kemahiran Staf ke Arah Ketampakan Kampus dalam Komuniti.

Melalui projek penanaman cili yang diperkenalkan oleh RIG SAFI, UiTM Perlis kepada KRT Taman Bukit Kayangan, Mereka telah berjaya **memenangi tempat ketiga Anugerah Projek Inovasi Rukun Tetangga Terbaik** dalam majlis Anugerah Perdana Rukun Tetangga Peringkat Kebangsaan 2023. Selain membantu penduduk setempat menggunakan kaedah tersebut, ia telah dipertandingkan bagi tujuan mendapatkan maklumbalas dan pandangan daripada pakar untuk tujuan penambahbaikan. Projek sebegini bukan hanya sekadar dijalankan di sekitar negeri Perlis, malah mampu diperluaskan lagi ke negeri lain kerana ianya merupakan projek yang menggunakan kaedah saintifik yang terkini melalui penyelidikan. Ia juga selari dengan Dasar Keselamatan Negara 2021-2025 dalam memastikan makanan yang mencukupi, selamat, berkhasiat dan sihat untuk rakyat melalui kaedah Pertanian Bandar.

Pelaksanaan program seperti **Jejak Puisi Perlis anjuran bersama UiTMPs dan Think City Berhad** melalui Geran Industri, telah membuktikan keupayaan bekerjasama dengan agensi lain seperti Jabatan Pelancongan dan Setiausaha Negeri Perlis. Ini memungkinkan kerjasama yang lebih erat pada masa akan datang.

3. Operasi Memupuk Peranan Staf dalam Usaha Pengurangan Kos dan Penjanaaan Pendapatan

Melalui usaha yang dijalankan oleh staf UiTMPs sebagai pembimbing bagi pelajar UiTMPs melalui **Kokurikulum Khidmat Masyarakat dalam Program Lestari Ilham**, keceriaan suasana di Tasik Ilham dapat dipertingkatkan. Suasana tasik yang berhampiran dengan stadium UiTMPs dan ladang ternakan rusa, amat kondusif bagi warga UiTMPs dan pengunjung untuk berehat sambil beriadah bersama teman dan keluarga.

Melalui usaha kerjasama beberapa orang staf akademik dan penglibatan pelajar UiTMPs, syarikat Athanliz Innovations Sdn Bhd mampu mempergiatkan usaha pemasaran produk ke peringkat antarabangsa. Usaha ini juga menjadi lebih mudah dengan termeterai beberapa jaringan industri yang berkaitan seperti MOU dengan FAMA Negeri Perlis dan Kayangan Agro Farm Sdn Bhd. Bagi merealisasikan usaha ini, syarikat ini berjaya memperolehi dana dari Kayangan Agro Farm (RM 20,000) dan Geran Parlimen APPGM (RM60,000).

Beberapa pertandingan inovasi telah disertai seperti Pertandingan Inovasi Pertanian anjuran Jabatan Pertanian dan berjaya mendapat Anugerah Inovasi Khas Jabatan Pertanian 2023 dan Gold Award dalam ICOMPEX 2023.

Berdasarkan kepercayaan yang telah diberikan oleh UiTMPs serta kerajaan negeri, produk

LINDIFERA telah diilancarkan sebagai produk pertama universiti dan berjaya menembusi pasaran AEON Retails seluruh Malaysia. Produk ini juga berjaya dipasarkan di platform Digital AgroBazaar Online melalui usaha pelajar UiTMPs (Rujuk Bukti 2).

SENARAI BUKTI :

1. [K0033_O01_OB05_20241_Bukti_1_UiTMPs_K6_Integrasi.pdf](#)
2. [K0033_O01_OB05_20242_Bukti_2_UiTMPs_K6_Integrasi.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

Warga UiTM Perlis terdiri daripada gabungan staf akademik dan staf pentadbiran. Berdasarkan Buku Amanat Rektor 2023, hasil tumpuan ke3 adalah berdasarkan ketampakan dan kepakaran Warga UiTM Cawangan Perlis pada tahun 2023. Dua tema pilihan adalah 1) Tanggungjawab Sosial Universiti (USR) dan 2) Program Pemindahan Ilmu Pengetahuan (KTP).

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perlis memainkan peranan penting dalam meningkatkan ketampakan dan kepakaran warga universiti untuk Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC). Usaha ini bukan sahaja mencerminkan pencapaian institusi, malah usaha ini juga bertujuan untuk memupuk budaya kecemerlangan dalam kalangan staf dan pelajar. Ketampakan atau visibility sesebuah institusi pendidikan tinggi adalah aspek penting dalam memastikan kejayaan untuk jangka masa yang panjang. Ia merujuk kepada bagaimana institusi tersebut dikenali dan dilihat oleh masyarakat, industri, dan institusi yang lain.

Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perlis berdedikasi untuk meningkatkan ketampakan dan kepakaran warganya dalam konteks akademik dan profesional. Matlamat utama adalah untuk memastikan bahawa para pensyarah, kakitangan, dan pelajar di UiTM Cawangan Perlis tidak hanya dikenali dalam bidang masing-masing tetapi juga diiktiraf secara meluas di peringkat nasional dan antarabangsa. Antara cara dan strategi Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Perlis untuk memastikan ketampakan dan kepakaran dalam warga UiTM Cawangan Perlis adalah dengan mengadakan program-program yang bermanfaat kepada warga UiTM contohnya UiTM Perlis@School. UiTM Perlis@School diadakan di UiTM Perlis adalah bertujuan untuk memupuk minat dan kesedaran tentang pendidikan tinggi dalam kalangan pelajar sekolah menengah di kawasan sekitar. Hal ini termasuk pengenalan awal kepada bidang akademik dan kerjaya yang ditawarkan oleh UiTM. Antara strategi program ini adalah dengan menjalankan sesi ceramah, bengkel, dan lawatan ke sekolah-sekolah untuk memberikan pendedahan tentang peluang pendidikan di UiTM. Selain itu, program ini menyediakan bahan promosi dan maklumat terperinci mengenai kursus dan program akademik kepada pelajar dan guru. Selain itu juga, program ini dapat mewujudkan program mentor dan tutor antara pelajar UiTM dengan pelajar sekolah untuk membimbing dan memberi inspirasi.

Seterusnya, dalam usaha UiTM Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Perlis untuk memastikan ketampakan dan kepakaran Warga UiTM Cawangan Perlis, program Fiesta@UiTM Perlis turut diadakan bertujuan untuk mempamerkan kepelbagaian bakat, pencapaian dan inovasi yang telah dihasilkan oleh warga UiTM Cawangan Perlis kepada masyarakat umum. Antara cara yang diadakan adalah dengan menganjurkan pameran, pertandingan, dan pertunjukan seni serta budaya yang melibatkan pelajar, pensyarah, dan alumni UiTM. Selain itu, UiTM Cawangan Perlis juga turut mengundang tokoh-tokoh terkenal dan pakar dalam bidang tertentu untuk menjadi panel hakim atau pembicara untuk meningkatkan kredibiliti acara.

Kemudian, program pada waktu Ramadhan iaitu Kasih Ramadhan@UiTM Perlis juga turut dianjurkan untuk menyemarakkan lagi semangat kekitaan dan kebajikan sepanjang bulan Ramadhan berlangsung. Program ini adalah program berbuka puasa bersama masyarakat setempat, serta mengagihkan sumbangan makanan kepada golongan yang memerlukan. Selain itu, ceramah agama, kelas fardu ain, dan aktiviti keagamaan yang melibatkan pelajar dan kakitangan untuk memperkukuh nilai-nilai keagamaan dan perpaduan turut diadakan. Akhir sekali, kempen kutipan derma dan sumbangan juga diadakan untuk menyokong rumah anak yatim dan institusi kebajikan lain.

Secara kesimpulannya, melalui inisiatif-inisiatif ini, UiTM Cawangan Perlis bertujuan untuk memperkukuh ketampakan dan kepakaran warganya dengan meningkatkan keterlibatan

kemana, memperluas jaringan penelitian, dan mempersembahkan pencapaian akademik serta inovasi. Dengan pelaksanaan yang berkesan, institusi ini akan dapat meningkatkan pengiktirafan, memperkukuh reputasi, dan memberi impak positif kepada masyarakat serta industri.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H1_K0033_HB02_20241_UiTMPs_Hasil Operasi_7.1.2.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H1_K0033_HB03_20242_UiTMPs_Hasil Operasi_7.1.3.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H1_K0033_HB04_20243_UiTMPs_Hasil Operasi_7.1.4.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H1_K0033_HB05_20244_UiTMPs_Hasil Operasi_7.1.5.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

HASIL DARI OPERASI: Operasi Pemantapan Aktiviti dan Hasil Penyelidikan dan Penerbitan UiTM Cawangan Perlis.

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Aktiviti penyelidikan dan penerbitan adalah antara kriteria utama dalam bidang akademik kerana aktiviti penyelidikan dan penerbitan menjadi **kayu ukur kesarjanaan ahli akademik** dalam bidang masing-masing. Penyelidikan dan penerbitan yang berkualiti adalah bukti sumbangan ahli akademik dalam kemajuan ilmu dalam bidang-bidang tertentu. Selain itu, penerbitan hasil penyelidikan memberi impak besar dalam kualiti dan reputasi sesebuah institusi pendidikan tinggi. Kejayaan dalam bidang penyelidikan dan penerbitan secara langsung menjadi **penanda kemajuan dan peningkatan kepakaran sumber manusia** di institusi pendidikan tinggi. Kejayaan dalam bidang penyelidikan dan penerbitan turut memberi impak positif kepada kemajuan kerjaya warga UiTMPs.

UiTM Cawangan Perlis (UiTMPs) sentiasa **cakna dengan penglibatan staf akademik** dalam aktiviti penyelidikan dan penerbitan. Selain Pelan Perancangan Strategik yang dilaksanakan setiap tahun oleh semua kampus UiTM, UiTM Cawangan Perlis telah mengambil inisiatif tambahan untuk memperkasakan aktiviti dan hasil penyelidikan dan penerbitan dengan mewujudkan **Model Hala Tuju Strategik 2022** dan diteruskan dengan **Amanat Rektor 2023** yang bertemakan **Dream Big, Go Beyond** seperti yang dijelaskan dalam kriteria 2. Antara agenda utama dalam kedua-dua perancangan ini ialah **Pemantapan Penyelidikan dan Penerbitan**. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi memastikan kesemua staf akademik UiTMPs bersama-sama menyumbang ke arah pencapaian terbaik dalam penyelidikan dan penerbitan seperti Boot Camp Grant Proposal, Pemantapan dan Pemurnian Proposal Geran Nasional, bengkel Handholding I untuk penerbitan berindeks (Siri I) dan penerbitan berimpak tinggi (siri II), 30 Days 30 Articles challenge dan sebagainya. Antara penambahbaikan yang telah dijalankan berbanding tahun-tahun yang lalu ialah peserta dan program-program yang telah dijalankan pada 2023 telah **dinilai dan dipantau secara berkala dan sistematik**. Ini bagi memastikan dan peserta dan program mencapai output yang dijangkakan. Contohnya, peserta bengkel penulisan geran telah dipantau dari segi penghantaran proposal manakala peserta bengkel penulisan telah dinilai dan dipantau dari segi kejayaan menerbitkan artikel.

Di dalam bahagian hasil ini, kejayaan UiTMPs telah dibahagikan kepada 2 tema utama iaitu:

1) Penyemarakan penyelidikan UiTMPs 2023

Bagi tema ini, kejayaan dalam bidang penyelidikan adalah berasaskan kejayaan ahli akademik UiTMPs dalam memperoleh geran nasional, industri, dan antarabangsa. Nilai geran juga telah dianalisa dan dibentangkan.

2) Pemantapan penerbitan UiTMPs 2023

Begi tema ini, kejayaan diukur berdasarkan kepada jumlah penerbitan artikel dan lain-lain oleh ahli akademik UiTMPs di jurnal-jurnal yang diindeks di MyCite dan Scopus/Wos/ERA.

Hasil daripada tema ini telah membuktikan UiTMPs komited dalam mendukung agenda UiTM2025. Pelbagai program yang telah dirancang dan dilaksanakan di UiTMPs telah mencapai kejayaan yang membanggakan dengan memperoleh anugerah **TOP 1 Corresponding Author tahun 2023** di antara kampus cawangan.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H2_K0033_HB02_20241_BUKTI H2_UiTMPs K7_TAHAP.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H2_K0033_HB03_20242_BUKTI H2_UiTMPs K7_TREN.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H2_K0033_HB04_20243_BUKTI
H2_UiTMPs K7_PERBANDINGAN_TANDAARAS.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H2_K0033_HB05_20244_BUKTI H2_UiTMPs K7_KEPENTINGAN.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

Hasil Tumpuan Prestasi Kewangan : Penjanaan pendapatan berasaskan kompetensi dan dedikasi staf UiTMPs

- i) Penumpuan pada hasil penjanaan pendapatan dari aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh staf UiTMPs seperti kursus, seminar dan bengkel. (PI112)
- ii) Penumpuan pada hasil penjanaan pendapatan dari penyewaan atau pajakan aset dan ruang di UiTMPs (PI117)

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTMPs adalah antara kampus yang berdaya saing dari segi pengajaran, penyelidikan, pengurusan dan kewangan dalam memacu UiTM di mata dunia bagi realisasikan tema '**Globally Renowned, Locally Rooted**'. Penghasilan penjanaan pendapatan merupakan komponen yang penting dalam menyahut aspirasi Naib Canselor. Pada tahun 2023, UiTMPs menjanaan sebanyak RM595,917.25 dari Kumpulan Wang Pengurusan manakala sebanyak 2,018,051.64 dari Kumpulan Wang Amanah. Hasil daripada penjanaan dua sumber kewangan ini, penumpuan diberikan pada penjanaan melalui aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh staf dan juga hasil sewaan/pajakan aset dan ruang di UiTMPs.

Penganjuran aktiviti-aktiviti pada 2023 seperti kursus, seminar dan bengkel telah mendatangkan hasil sebanyak RM250,098.26. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 80% berbanding penjanaan pada 2021. Peningkatan ini adalah hasil daripada program tumpuan **Menggalakkan Penjanaan Hasil Melalui Kepakaran Bidang**.

Dengan kebijaksanaan pengurusan menggunakan ruang, aset dan fasiliti yang wujud di UiTMPs, sebanyak RM 973,169.63 telah dijana pada 2023. Ditambah pula dengan dedikasi dan keefisienan staf BPPF dalam mengendalikan dan menjaga aset dan ruang selari dengan **Perancangan Strategik UiTMPs: Kecemerlangan Bakat dan Kelestarian Kampus** serta program tumpuan **Mensinergikan Peranan Setiap Entiti** Disamping itu, faktor keselamatan di dalam kampus juga memainkan peranan dalam menarik minat penyewa untuk menyewa ruang dan aset UiTMPs. Sebanyak 89% daripada hasil penjanaan adalah dari penyewaan tapak pencawang, bangunan kediaman, ruang dan perkhidmatan utiliti. Secara keseluruhan hasil penyewaan pada tahun 2023 meningkat sebanyak 53% berbanding tahun sebelumnya. Oleh itu, ini melayakkan UiTMPs untuk menerima **Anugerah Transformasi Kecemerlangan Penjanaan Pendapatan 2023** di AKPU2023.

Penjanaan pendapatan ini amat penting dalam menyokong kemandirian UiTMPs. Hasil janaan dapat digunakan untuk meningkatkan fasiliti dan infrastruktur, melabur dalam penyelidikan dan pembangunan, meningkatkan kerjasama industri, kepelbagaian program akademik dan kokurikulum, menguruskan risiko dengan lebih efisien dan, program sinergi & ukhawah staf. Disamping itu, program penjanaan pendapatan juga akan mewujudkan staf holistik.

Secara keseluruhannya, penjanaan pendapatan ini dapat meningkatkan prestasi kewangan UiTMPs dalam mengimbangi keperluan kampus dengan peruntukan yang makin berkurangan saban tahun. Penjanaan dan perbelanjaan haruslah berada ditahap yang optimum dalam menyediakan perkhidmatan kepada pelajar dan menjadi hub ilmu di mata dunia.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H3_K0033_HB02_20241_Kriteria 7 Hasil Ketampakan - Tahap.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H3_K0033_HB03_20242_Kriteria 7 Hasil Ketampakan - Tren.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H3_K0033_HB04_20243_Kriteria 7 Hasil Ketampakan - Perbandingan.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H3_K0033_HB05_20244_Kriteria 7 Hasil Ketampakan - Kepentingan.pdf](#)